

**MAKNA DAN SIMBOL BUDAYA MATERIAL ADAT
PERPATIH DALAM UPACARA PERKAHWINAN ADAT
DI NEGERI SEMBILAN**

SHAQUAN AMEER BIN MOHD ZAKI

UNIVERSITI

MALAYSIA

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KELANTAN

2025



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

FYP FTKW

**MAKNA DAN SIMBOL BUDAYA MATERIAL ADAT PERPATIH
DALAM UPACARA PERKAHWINAN ADAT DI NEGERI
SEMBILAN**

Oleh:

SHAQUAN AMEER BIN MOHD ZAKI

Projek ini disediakan untuk memenuhi syarat kelayakan bagi Ijazah Sarjana Muda
Pengajian Warisan Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2025

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi lain.

☐

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat segera sebagai salinan keras atau dalam talian akses terbuka (Teks Penuh).

☐

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

☐

SULIT

Mengandungi maklumat sulit dibawah Akta Rahsia 1972.

☐

TERHAD

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan.

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan berhak seperti yang berikut :

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan ini mempunyai hak untuk membuat salinan laporan untuk pertukaran akademik.

Tandatangan Utama

.....


SHAQUAN AMEER BIN MOHD

ZAKI Tarikh: 25/2/2025

Tandatangan Penyelia

.....


DR. AINUL WAHIDA BINTI RADZUAN

Tarikh: 25/2/2025

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebba kerahsiaan dan sekatan.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, saya dapat menyiapkan projek penyelidikan akhir ini bagi memenuhi syarat kelayakan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tulus kepada Dr. Ainul Wahida binti Radzuan, selaku pembimbing dan penyelia projek penyelidikan ini. Beliau telah banyak memberikan tunjuk ajar, nasihat, dan kata-kata semangat sepanjang proses penyelidikan ini dijalankan. Bimbingan beliau dari peringkat pencarian tajuk sehingga kesimpulan kajian amat membantu dalam memastikan kualiti projek ini.

Tidak lupa, ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya, Mohd Zaki bin Jamal dan Wan Juliana binti Ramli, serta seluruh ahli keluarga yang sentiasa memberikan sokongan, doa, dan dorongan sepanjang tempoh penyelidikan ini. Penghargaan juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini.

Akhir kata, semoga projek penyelidikan ini dapat memberikan manfaat kepada masyarakat dan menjadi rujukan berguna untuk kajian akan datang.

Sekian, terima kasih.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

MAKNA DAN SIMBOL BUDAYA MATERIAL ADAT PERPATIH DALAM UPACARA PERKAHWINAN ADAT DI NEGERI

SEMBILAN

ABSTRAK

Budaya material merupakan salah satu instrumen kebudayaan yang penting dalam adat perpatih. Budaya material merujuk kepada objek yang memberi makna dan simbolik serta menerangkan tentang beberapa aspek bukan lisan dalam upacara-upacara yang dilakukan dalam adat perpatih. Namun, penggunaan budaya material dalam adat perpatih berada pada tahap yang membimbangkan dan banyak maklumat berkaitan adat perpatih sukar diperolehi kerana ianya diturunkan secara lisan. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai makna dan simbolik budaya material adat perpatih dalam upacara perkahwinan adat di Negeri Sembilan. Tiga objektif utama bagi kajian ini adalah: mengenal pasti budaya material yang digunakan dalam upacara perkahwinan adat, mengkaji kepentingan budaya material adat perpatih dalam upacara perkahwinan dan menganalisis langkah-langkah pelestarian ilmu mengenai budaya material adat perpatih dalam kalangan masyarakat adat di Negeri Sembilan. Pendekatan kualitatif melalui etnografi digunakan dalam mencapai ketiga-tiga objektif kajian dengan menemu bual secara mendalam dan menjalankan pemerhatian secara langsung sebagai kaedah kajian. Tujuh orang informan telah ditemu bual menggunakan teknik pensampelan bebola salji. Terdapat beberapa tema yang diekstrak melalui analisis tematik hasil daripada dapatan kajian iaitu: adat perpatih, perspektif masyarakat terhadap adat perpatih, adat perpatih dan agama Islam, peraturan adat, proses perkahwinan, material budaya dalam perkahwinan adat perpatih, dan pelestarian adat perpatih. Oleh itu, kajian ini menyumbang kepada pendokumentasian mengenai makna dan simbolik budaya material adat perpatih dan seterusnya melestarikan adat perpatih untuk generasi akan datang.

Kata kunci: adat perpatih, budaya material, makna, pelestarian, simbolik

A STUDY ON THE MEANING AND CULTURAL SYMBOLISM OF MATERIAL CULTURE IN ADAT PERPATIH WEDDING CEREMONIES IN NEGERI SEMBILAN

ABSTRACT

Material culture is a vital cultural element in adat perpatih. It denotes objects that embody symbolic meanings and elucidate the non-verbal aspects of the ceremonies carried out in adat perpatih. However, the use of material culture in adat perpatih raises concerns, and much information regarding it is difficult to obtain as it is transmitted orally. Therefore, this study seeks to gain a deeper understanding of the meaning and symbolism of material culture in adat perpatih wedding ceremonies in Negeri Sembilan. The three main objectives of this study are: to identify the material culture used in adat perpatih wedding ceremonies, to examine the significance of material culture in these ceremonies, and to analyse the efforts for preserving knowledge on adat perpatih material culture among the Adat community in Negeri Sembilan. A qualitative approach using ethnography was employed to achieve these objectives, utilising in-depth interviews and direct observation as research methods. Seven informants were interviewed through the snowball sampling technique. Several themes were identified through the thematic analysis of the findings, including: Adat perpatih, community perspectives on adat perpatih, the relationship between adat perpatih and Islam, customary regulations, the marriage process, material culture in adat perpatih weddings, and the preservation of adat perpatih. This study contributes to the documentation of the meaning and symbolism of adat perpatih material culture and advocates for its preservation for the future generations.

Keywords: adat perpatih, material culture, meaning, preservation symbolism

ISI KANDUNGAN

PERAKUAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
ISI KANDUNGAN	v-vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI JADUAL	ix
BAB SATU: PENGENALAN	1
1.0 Pengenalan	1-2
1.1 Permasalahan Kajian.....	3-5
1.2 Persoalan Kajian	5
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Skop Kajian.....	6
1.5 Lokasi Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	8-9
1.7 Struktur Penyelidikan.....	9
BAB DUA: KAJIAN LITERATUR	10
2.0 Pengenalan	10
2.1 Warisan Budaya	10-11
2.2 Adat.....	12
2.2.1 Adat Perpatih	12
2.2.2 Matrilineal.....	13
2.2.3 Asimilasi Adat	13-14
2.2.4 Pelaksanaan Adat Perpatih.....	14
2.2.5 Demokrasi	14-15
2.2.6 Suku	15
2.2.7 Adat Utama	15
2.3 Perkahwinan.....	16
2.4 Budaya Material.....	16
2.5 Pengekalan dan Pelestarian.....	17
2.6 Aplikasi Teori	17-18

2.7 Kesimpulan	18
BAB TIGA: METODOLOGI	19
3.0 Pengenalan	19
3.1 Pendekatan Kajian	20
3.2 Reka Bentuk Kajian	21
3.3 Kaedah Kajian.....	21
3.3.1 Temu Bual.....	21-22
3.3.2 Pemerhatian.....	22
3.4 Sumber Data Kajian.....	23
3.4.1 Data Primer	23
3.4.2 Data Sekunder	23
3.5 Pensampelan Data	24
3.6 Analisi Data	25-27
3.7 Kesimpulan	28
BAB EMPAT: ANALISI DAN PERBINCANGAN.....	29
4.0 Pengenalan	29
4.1 Adat Perpatih	29-30
4.1.1 Pembahagian Harta	30-32
4.2 Perspektif Masyarakat Terhadap Adat Perpatih.....	32
4.2.1 Musyawarah.....	33
4.3 Adat Perpatih dan Islam.....	34
4.3.1 Perkahwinan Sesuku	34-35
4.3.2 Kesesuaian Agama Islam.....	35-36
4.4 Peraturan Adat	36
4.4.1 Denda Jika Kahwin Sesuku	36-37
4.4.2 Pemasangan Set Kelengkapan Adat.....	37-38
4.4.3 Membawa Buapak dan Ibu Soko Semasa proses Perbincangan	38-39
4.5 Proses Perkahwinan	40
4.5.1 Adat Merisik	40-41
4.5.2 Adat Bertunang	41
4.5.3 Berkampung.....	41-42
4.5.4 Malam Berinai	42
4.5.5 Perkahwinan.....	42-44

4.5.6 Adat Menyembah dan Menyalang	44
4.6 Material Budaya dalam Adat Perpatih	45
a. Bujam epok	46-47
b. Lelangit	48-49
c. Tabir Lingkungan	49-50
d. Tepak Sirih	51-52
e. Nasi Panko	53
f. Boko	54-55
g. Tilam Pandak	56-57
h. Tikar Rompok	57-58
i. Tetapak	58
j. Merewa	58-59
k. Semerit	60-61
l. Cincin	61-62
4.7 Pelestarian Adat Perpatih	63
4.7.1 Masyarakat	63-64
4.7.2 Kerajaan	64-65
4.7.3 Badan Bukan Kerajaan (NGO)	65
BAB LIMA: RUMUSAN DAN CADANGAN	66
5.1 Pengenalan	66
5.2 Rumusan Bab	66-67
5.3 Dapatan Utama	68-71
5.4 Cadangan	71-72
RUJUKAN	73-79

MALAYSIA

KELANTAN

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
Rajah 1.1: Peta Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan.....	7
Rajah 3.1: Peringkat dalam Analisis Tematik.....	25
Rajah 4.1: Bujam Epok.....	46
Rajah 4.2: Lelangit.....	48
Rajah 4.3: Tabir Lingkungan	49
Rajah 4.4: Tepak sirih	51
Rajah 4.5: Boko	54
Rajah 4.6: Tilam Pandak.....	56
Rajah 4.7: Tikar Rompok.....	57
Rajah 4.8: Merewa (Bendera Adat)	58
Rajah 4.9: Semerit.....	60

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
Jadual 3.1: Informan Temu Bual	24
Jadual 3.2: Proses Transkripsi Data	26
Jadual 4.1: Budaya Materai Adat Perpatih dalam Upacara Perkahwinan Adat.....	45-46

BAB SATU

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Warisan budaya merupakan sesuatu perkara yang penting dalam kehidupan bermasyarakat. Warisan budaya terdiri daripada dua jenis iaitu warisan ketara dan tidak ketara (Kementerian Komunikasi dan Multimedia, 2024). Warisan ketara adalah objek, artifak, budaya material, bangunan, dan sebagainya manakala warisan tidak ketara adalah pengetahuan yang diturunkan dari generasi kepada generasi seperti pengetahuan, adat, bahasa dan lain-lain. Menurut Kurin (2004), warisan tidak ketara terdiri daripada tiga komponen utama, antaranya tradisi lisan, seni persembahan dan ilmu serta budaya tentang alam semula jadi. UNESCO (1972) telah menyatakan bahawa warisan terdiri daripada dua iaitu warisan budaya yang merangkumi monumen atau bangunan, kumpulan bangunan dan tapak warisan serta warisan semula jadi yang merangkumi alam semula jadi seperti gunung, gua, hutan dan sebagainya. Seterusnya, warisan budaya memainkan peranan penting sebagai sumber maklumat, inovasi, kreativiti serta memberi manfaat kepada generasi akan datang (Stoffaës, 2001). Menurut Akta Warisan Kebangsaan (2005) warisan budaya terbahagi kepada dua bahagian atau domain iaitu warisan ketara dan warisan tidak ketara. Warisan ketara merangkumi bangunan, monumen, dan kawasan yang mempunyai nilai estetik dan sejarah, manakala, warisan tidak ketara merujuk kepada persembahan, muzik, pengetahuan yang berkaitan dengan cara hidup masyarakat.

Budaya material merupakan sebahagian daripada warisan budaya ketara. Budaya material merupakan objek dalam lingkungan benda atau artifak. Sebagai contoh, lukisan, pinggan mangkuk atau dalam erti kata lain barang yang menjadi penghubung antara adat dan manusia. Menurut Miller (1998), budaya material memainkan peranan penting dalam memberi makna dan hubungan sosial serta mencerminkan nilai budaya dan cita rasa individu. Budaya material dikategorikan sebagai suatu objek yang memberi maksud yang mendalam dari segi simbol dan makna pada sesebuah adat ataupun budaya. Justeru, kajian ini memfokuskan kepada budaya material dalam konteks adat perpatih di Negeri Sembilan.

Adat merupakan suatu kebiasaan yang dilakukan oleh kelompok masyarakat. Adat juga merupakan satu undang-undang yang perlu dipatuhi oleh masyarakat setempat atau komuniti. Terdapat dua adat yang dipraktikkan di Malaysia iaitu adat Temenggong dan juga adat Perpatih. Kedua-dua adat ini telah diangkat sebagai warisan kebangsaan di bawah kategori warisan tidak ketara pada tahun 2012 (Jabatan Warisan Negara, 2024). Terdapat pelopor utama bagi adat iaitu Datuk Perpatih Nan Sebatang bagi adat Perpatih dan Datuk Ketemenggungan bagi adat Temenggong (Mohd Salleh, 2017). Menurut Ayob dan Mesman (2018), adat perpatih dan adat Temenggong diamalkan sejak kurun ke-13 dan tujuannya adalah untuk membentuk kehidupan bermasyarakat yang bersatu padu berasaskan adat. Adat perpatih kaya dengan pelbagai jenis peraturan dan sub adatnya tersendiri. Terdapat beberapa adat kecil atau sub adat yang ada pada adat perpatih antaranya adat semenda menyemenda, adat memilih pemimpin orang besar adat, adat perkahwinan, adat menyandar dan sebagainya (Mohd Salleh, 2017). Walaupun adat perpatih dikategorikan sebagai warisan kebudayaan tidak ketara, adat perpatih juga mempunyai pelbagai jenis budaya material. Contohnya, melalui perkahwinan adat, terdapat beberapa budaya material yang signifikan dalam membentuk identiti masyarakat Negeri Sembilan. Antara budaya material dalam perkahwinan adat yang sering digunakan adalah seperti tetapak, nasi ponco, boko, tabir, langit dan sebagainya.

Di dalam adat perpatih, perkahwinan adat merupakan antara adat yang wajib diamalkan oleh masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Menurut Ibrahim (1997), perkahwinan merupakan hubungan dan ikatan antara dua individu berlainan jantina yang diakui dan sah oleh agama, budaya, dan masyarakat. Perkahwinan adat perpatih mempunyai perbezaan dari segi proses upacara perkahwinan berbanding adat temenggong. Perbezaan dari segi proses dan pelaksanaan menjadikan kedua-dua adat ini istimewa. Sebagai contoh upacara perkahwinan adat perpatih mementingkan jurai keturunan sebelah ibu (matrilineal) manakala perkahwinan adat temenggong sebaliknya iaitu yang mementingkan keturunan sebelah bapa (patrilineal). Perkahwinan mengikut adat perpatih adalah lebih kompleks kerana banyak peraturan yang perlu dipatuhi oleh masyarakat adat seperti proses berkedim, adat menyalang dan sebagainya. Seterusnya, perkahwinan sesama suku (eksogami) adalah dilarang kerana perkahwinan merupakan hubungan antara dua suku atau perut (Wardi et al. 2018).

1.1 Permasalahan Kajian

‘Budaya Nan Hilang’, merupakan perbilangan adat yang sering digunakan oleh masyarakat adat di Negeri Sembilan, terutamanya masyarakat yang masih mengamalkan adat perpatih. Kata perbilangan ini yang bermaksud budaya yang kurang dipakai atau diamalkan. Pengertian budaya mengikut Kurin (2003), merujuk kepada keseluruhan cara hidup, kepercayaan dan perspektif termasuk adat. Adat adalah sebahagian daripada budaya tetapi agak kompleks dari segi pelaksanaannya. Adat merupakan peraturan yang perlu diikuti dan dilakukan mengikut upacara tertentu dalam sesebuah masyarakat yang mengamalkannya. Terdapat unsur spiritual, kepercayaan dan agama dalam pelaksanaan adat. Di Malaysia, terdapat dua adat yang diamalkan oleh masyarakat Melayu. Adat temenggong diamalkan di seluruh Malaysia kecuali Negeri Sembilan dan sebahagian daerah lain manakala adat perpatih diamalkan oleh masyarakat adat di Negeri Sembilan dan sebahagian daerah di Melaka seperti Naning. Adat perpatih merupakan adat yang unik dan istimewa kerana mengamalkan nasab keturunan sebelah ibu atau dikenali sebagai matrilineal (Ahmad et al., 2019).

Meskipun adat perpatih menjadi identiti masyarakat adat terutamanya di Negeri Sembilan, namun masih terdapat sebahagian masyarakat mempunyai perspektif negatif di mana adat Perpatih ini bercanggah dari segi hukum syarak (Jalil, 2022). Walau bagaimanapun, terdapat perbilangan adat yang menggambarkan bahawa adat perpatih masih mengikut syarak dan selaras dengan ajaran Islam seperti ‘Adat bersendi syarak, syarak bersendi kitabullah’, ‘Syarak mengata, adat memakai’. Selain daripada perspektif Islam, adat perpatih juga berada dalam tahap membimbangkan kerana individu yang mengamalkannya semakin berkurangan. Justeru itu, adat perpatih diancam kepupusan jika tiada langkah proaktif dilakukan (Jalil, 2022).

Adat perpatih merupakan adat dan tradisi yang diturunkan dan diajarkan secara lisan kepada golongan muda. Kedudukan adat perpatih dalam kalangan masyarakat adat di Negeri Sembilan adalah amat tinggi. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, terdapat perbilangan adat yang memberi gambaran tentang pentingnya adat perpatih seperti ‘Biar mati anak, jangan mati adat’. Perbilangan ini secara jelas menunjukkan

pegangan adat perpatih itu disanjung oleh masyarakat adat di Negeri Sembilan dan diletakkan di tempat yang istimewa. Meskipun begitu, rujukan secara lisan mengenai adat perpatih sukar diperolehi oleh kerana pakar-pakar rujuk tidak memberi kerjasama yang baik dalam menyampaikan dan menurunkan maklumat mengenai adat perpatih kepada generasi muda (Ahmad et al., 2019). Hal ini menyukarkan adat perpatih berkembang dan dipelajari oleh generasi muda. Jalil (2022) menyatakan dalam sesi temu bual bersama Rais Yatim bahawa adat perpatih berkemungkinan akan pupus 10 tahun lagi disebabkan sumber rujukan dan maklumat tentang adat perpatih sukar diperolehi kerana ilmunya diturunkan secara lisan oleh generasi terdahulu.

Implikasi daripada pandangan negatif mengenai hukum syarak dan kurang sumber rujukan bertulis menyebabkan adat perpatih yang kaya dengan adat dan tradisi ini diancam kepada kepupusan. Budaya material merupakan suatu komponen penting dalam adat ini juga sudah kurang digunakan dalam upacara adat di Negeri sembilan. Hal ini boleh dilihat daripada penggunaan budaya material seperti nasi panco, tepak sirih, tetapak, boko, lelangit, tabir dan sebagainya kurang mendapat sambutan di kalangan masyarakat adat. Budaya material merupakan satu komponen yang penting dalam adat perpatih dan perlu dijaga dengan rapi. Hal ini turut disokong oleh Azzouz (2019) dengan menyatakan bahawa, bangunan bersejarah, tempat keagamaan, pameran, budaya material, muzium dan perpustakaan yang menerangkan naratif kolektif telah diancam kemusnahan.

Seterusnya, perspektif masyarakat mengenai adat perpatih dan budaya material sudah mula terhakis pada masa kini kerana pengamalan warisan dan budaya terdahulu kurang diamalkan. Masyarakat pada masa kini menganggap bahawa warisan budaya sebagai sesuatu yang mundur dan menghalang mereka untuk menjadi masyarakat moden dan mencapai tahap keupayaan ekonomi yang lebih baik (Mekonnen et al., 2022). Selain itu, era globalisasi juga menjadi antara punca warisan budaya kurang diamalkan pada masa kini. Menurut Mekonnen et al. (2022), globalisasi menjadi punca kepada penyeragaman budaya dan mengakibatkan penurunan kepada kepelbagaian budaya. Warisan budaya juga diancam kepupusan kerana ianya dianggap tradisional dan juga terkesan daripada perubahan sosial serta pembangunan ekonomi. Warisan budaya terutama adat perpatih seharusnya menjadi elemen penting

kepada masyarakat adat di Negeri Sembilan. Ianya bukan sahaja sebagai identiti malah merupakan jati diri masyarakat yang mengamalkan adat perpatih.

Oleh yang demikian, kajian adat perpatih ini dijalankan untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai makna dan simbol budaya material adat perpatih dalam konteks upacara perkahwinan adat di Negeri Sembilan. Justeru, masyarakat adat di Negeri Sembilan dapat didedahkan mengenai maklumat yang berkaitan dengan warisan budaya mereka terutamanya budaya material adat perpatih.

1.2 Persoalan Kajian

Kajian tentang makna dan simbolik budaya material adat perpatih dalam upacara perkahwinan adat di Negeri Sembilan mempunyai tiga persoalan kajian iaitu:

- i. Apakah budaya material adat perpatih yang digunakan dalam upacara perkahwinan adat perpatih di Negeri Sembilan?
- ii. Apakah kepentingan budaya material adat perpatih yang digunakan dalam upacara perkahwinan adat dari perspektif masyarakat adat di Negeri Sembilan?
- iii. Apakah langkah-langkah pelestarian ilmu mengenai budaya material adat perpatih dalam kalangan masyarakat di Negeri Sembilan?

1.3 Objektif Kajian


Kajian mengenai makna dan simbol budaya material adat perpatih dalam upacara perkahwinan di Negeri Sembilan ini mempunyai tiga objektif antaranya:

- i. Mengenal pasti budaya material adat perpatih yang digunakan dalam upacara perkahwinan adat di Negeri Sembilan.
- ii. Mengkaji kepentingan budaya material adat perpatih dalam upacara perkahwinan adat dari perspektif masyarakat adat di Negeri Sembilan.
- iii. Menganalisis langkah-langkah pelestarian ilmu mengenai budaya material adat perpatih dalam kalangan masyarakat adat di Negeri Sembilan.

1.4 Skop Kajian

Kajian mengenai makna dan simbolik budaya material adat perpatih dalam upacara perkahwinan adat di Negeri Sembilan dijalankan untuk mengenal pasti jenis budaya material yang digunakan dalam perkahwinan adat, mengkaji kepentingan budaya material dalam upacara perkahwinan adat dari perspektif masyarakat adat, dan juga menganalisis langkah- langkah pelestarian ilmu mengenai budaya material ini dalam kalangan masyarakat di Negeri Sembilan. Kajian ini secara tidak langsung memberi fokus kepada budaya material yang digunakan dalam upacara perkahwinan adat perpatih di Tanjung Ipoh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif di mana proses pengumpulan data dijalankan menggunakan kaedah temu bual secara mendalam serta pemerhatian secara aktif sesuai dengan reka bentuk kajian iaitu etnografi yang mengkaji tentang budaya dan masyarakat. Kaedah temu bual secara mendalam ini dilakukan dengan menemu bual informan seperti Dato Lembaga, Buapak, Ibu Soko dan masyarakat yang mengamalkan adat perpatih itu sendiri. Tempoh kajian ini dijalankan mengambil masa lebih kurang lima bulan. Data dari kajian ini dianalisis menggunakan analisis tematik dalam mencapai objektif kajian. Teori interaksi simbolik juga digunakan dalam kajian ini kerana teori ini memainkan peranan penting dalam memahami simbol dan makna di sebalik objek atau barangan yang berkait rapat dengan tujuan kajian ini iaitu mengkaji makna dan simbol budaya material yang digunakan dalam upacara perkahwinan adat perpatih.

1.5 Lokasi Kajian



Rajah 1.1: Peta Daerah Kuala Pilah

(Sumber: Google Maps)

Lokasi kajian seperti dalam Rajah 1 tertumpu di daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Negeri Sembilan merupakan sebuah negeri yang terletak di bahagian selatan Semenanjung Malaysia. Terdapat beberapa daerah di Negeri Sembilan antara salah satunya adalah Kuala Pilah. Kuala Pilah terletak di bahagian tengah Negeri Sembilan atau lebih spesifik di antara Bahau dan Seremban dan dikenali sebagai "pekan kecil" yang berkeluasan 109,039.58 hektar Kementerian Pembangunan Luar Bandar (2024) Kuala Pilah merupakan kawasan di mana terletak Istana Seri Menanti yang menjadi mercu tanda kawasan tersebut. Penduduk di Kuala Pilah dianggarkan seramai 77,448 orang (Majlis Daerah Kuala Pilah, 2024). Daerah ini menjadi salah satu kawasan yang masih mengamalkan adat perpatih terutama masyarakat yang tinggal di kampung sekitarnya.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai makna dan simbol budaya material adat perpatih dalam upacara perkahwinan adat di Kuala Pilah, Negeri Sembilan mempunyai kepentingan dan fungsi tersendiri bukan sahaja kepada individu serta masyarakat malah kepada institusi pendidikan. Antara kepentingan kajian adalah seperti berikut:

a. Individu

Kajian ini adalah untuk memastikan individu mempunyai maklumat mengenai kebudayaan material adat perpatih itu sendiri. Kajian yang memberi fokus dengan teliti tentang jenis budaya material dalam upacara perkahwinan adat di Negeri Sembilan dapat memastikan setiap individu memperoleh maklumat yang tepat mengenai budaya material yang digunakan. Individu juga dapat mencari maklumat tambahan mengenai budaya dan adat yang digunakan oleh masyarakat adat di Negeri Sembilan dengan lebih terperinci. Makna dan simbol di sebalik budaya material adat perpatih ini boleh mendatangkan rasa kepunyaan (belonging) antara individu dalam menjaga budaya material.

b. Masyarakat

Kajian ini penting kepada masyarakat kerana dapat mewujudkan masyarakat yang berpengetahuan tentang budaya material adat perpatih dalam upacara perkahwinan adat. Budaya material juga memainkan peranan penting dalam mengembalikan budaya yang hampir pupus. Masyarakat juga memainkan peranan penting dalam melestarikan budaya material ini dari segi ilmu pengetahuan yang diturunkan daripada generasi ke generasi yang lain. Budaya material memainkan peranan penting dalam menyatupadukan masyarakat, sesuai dengan perbilangan adat “Bulat air kerana pembentung, bulat suara kerana muafakat” adat perpatih juga menggariskan mengenai amalan demokrasi, muafakat dan musyawarah. Oleh itu, melalui pelestarian budaya material adat perpatih, masyarakat boleh hidup dengan harmoni.

c. Institusi Pendidikan

Melalui kajian ini institusi pendidikan mendapat manfaat dari segi maklumat dan informasi berkaitan adat perpatih selain dapat mendigitalkan maklumat supaya kekal dan tidak hilang ditelan zaman. Institusi pendidikan juga merupakan salah satu daripada badan yang bertanggungjawab dalam menjaga dan memastikan warisan budaya kekal dan dipelihara dengan baik. Melalui kajian ini, institusi pendidikan boleh menerbitkan maklumat penting berkaitan budaya material khususnya dalam upacara perkahwinan adat perpatih di kawasan atau daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Kepentingan kajian kepada institusi pendidikan adalah amat penting kerana ianya akan memacu kepada sistem pembelajaran yang proaktif dengan maklumat yang tepat serta menyumbang kepada pembangunan masyarakat.

1.7 Struktur Penyelidikan

Projek penyelidikan mempunyai lima bab. Bab pertama membincangkan pengenalan kajian. Bab dua pula memberi fokus kepada kajian literatur atau kajian lepas yang menjadi panduan dan asas kepada kajian ini. Ianya meliputi beberapa aspek iaitu definisi warisan budaya, warisan ketara dan warisan tidak ketara, adat perpatih serta pelestarian. Bab ketiga mengenai metodologi yang digunakan dalam mencapai objektif kajian. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan reka bentuk etnografi bagi memperoleh data. temu bual secara mendalam dan pemerhatian ikut serta dijalankan bagi memperoleh data untuk kajian ini. Seterusnya, data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik.

Seterusnya, bab empat membincangkan dapatan yang diperoleh daripada hasil temu bual dan pemerhatian. Beberapa tema dikeluarkan bagi menjawab kepada setiap objektif kajian tentang budaya material, kepentingan dan langkah-langkah pelestarian budaya material. Bab lima menjelaskan rumusan bab, dapatan utama serta cadangan untuk kajian seterusnya.

BAB DUA

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Bab dua menerangkan mengenai warisan budaya melalui definisi yang dinyatakan oleh badan warisan antarabangsa seperti UNESCO dan badan warisan kerajaan seperti Jabatan Warisan Negara. Warisan budaya turut dibincangkan melalui sarjana-sarjana barat dan tempatan. Bab ini juga membahaskan mengenai adat yang telah diangkat dan diiktiraf sebagai warisan kebangsaan seperti adat temenggung dan adat perpatih. Di dalam adat perpatih, nasab sebelah ibu, asimilasi adat perpatih, pelaksanaan adat perpatih, suku, adat perkahwinan turut dibincangkan. Bab ini juga menghuraikan mengenai budaya material sebagai salah satu warisan yang menunjangi adat perpatih serta aplikasi teori interaksi simbolik dalam memahami makna dan simbolik budaya material dalam masyarakat.

2.1 Warisan Budaya

Warisan budaya mempunyai tiga kategori iaitu warisan budaya ketara, warisan budaya tidak ketara dan warisan semula jadi Khairuddin, A. H. (2022) manakala di dalam Persidangan Warisan Dunia UNESCO (1972), warisan budaya terbahagi kepada dua kategori iaitu warisan ketara dan warisan semula jadi. Ketiga-tiga kategori ini berbeza namun saling berkait antara satu sama lain. Warisan ketara adalah perkara yang merujuk kepada objek yang boleh dicapai oleh pancaindera manusia (UNESCO, 1972). Menurut Stoffaës (2001), warisan budaya ketara terdiri daripada benda fizikal yang boleh dilihat dan disentuh seperti monumen, objek dan bangunan. Warisan budaya ketara pula merujuk kepada budaya material secara keseluruhan seperti tapak bersejarah, struktur, tapak arkeologi, landskap dan objek budaya. Warisan ketara banyak memberi manfaat kepada etnik, kaum dan masyarakat. Ianya bukan sahaja sebagai lambang kemegahan dan kearifan tempatan malah warisan ketara juga menjadi identiti kepada masyarakat setempat. Seterusnya, warisan semula jadi adalah warisan yang berlaku secara semula jadi. Takrifan warisan semula jadi merujuk

kepada gunung, hutan, laut dan sebagainya. Warisan semula jadi menjadi antara salah satu warisan yang penting kerana sesetengah warisan ini mengalami masalah kepupusan dan kerosakan (UNESCO, 1972).

Manakala warisan budaya tidak ketara merangkumi aspek budaya yang lebih sukar difahami, termasuk tradisi lisan dan amalan tradisional yang diturunkan dari generasi ke generasi seterusnya (Stoffaës, 2001). Warisan budaya tidak ketara diwariskan secara turun-temurun oleh nenek moyang atau generasi yang terdahulu melalui tradisi lisan dan berkait rapat dalam kehidupan seharian manusia yang menjadi panduan dan cara hidup kepada etnik dan masyarakat yang mengamalkannya (Pelegrini, 2008). Budaya, adat, muzik dan tarian adalah salah satu daripada komponen warisan budaya tidak ketara. Menurut UNESCO (2003) warisan budaya terbahagi kepada lima domain iaitu, tradisi lisan yang membawa kepada warisan tidak ketara, seni persembahan, amalan sosial, ritual, perayaan, pengetahuan tentang amalan dan alam semesta dan ketukangan atau pembuatan kraf tangan.

Seterusnya, menurut Jabatan Warisan Negara (JWN), warisan budaya terbahagi kepada empat kategori iaitu:

1. Kategori adat dan budaya: Adat kitaran, Adat lingkungan, seni pertahanan diri dan sebagainya.
2. Kategori seni persembahan: seni tari, muzik dan seni lakonan.
3. Kategori bahasa dan persuratan: tulisan jawi, manuskrip, lagu rakyat dan cerita rakyat.
4. Kategori seni halus: kraf tangan i pada bahagian tekstil, busana dan sebagainya.

2.2 Adat

Adat merupakan kata pinjaman daripada bahasa Arab iaitu *adah* yang merujuk kepada aturan dan kebiasaan yang dilakukan oleh masyarakat (Ayob dan Mesman, 2018). Adat juga didefinisikan sebagai undang-undang dan peraturan yang diamalkan selama beribu tahun sebagai satu sumber dan asas undang-undang yang penting (Postema, 2012). Terdapat beberapa konsep adat yang menunjukkan teras dan asas adat yang kuat sehingga menjadi asas kepada undang-undang sehingga kini. ‘Tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan, dipindah tidak layu, dibasuh habis air’ merupakan perbilangan yang menunjukkan adat menjadi asas kepada masyarakat dan ianya dijaga rapi dan diletakkan ditempat yang istimewa (Pernanda & Amin, 2016).

Terdapat dua adat yang dipraktikkan di Malaysia iaitu adat temenggong dan adat perpatih. Datuk Perpatih Nan Sebatang dan Datuk Ketemenggungan dikatakan bersaudara (Mat Ail, 2011). Adat Temenggung merupakan adat yang digunakan di seluruh Semenanjung Malaysia kecuali di Negeri Sembilan dan beberapa daerah lain seperti Naning. Adat Temenggung mempunyai perbezaan yang ketara dengan adat perpatih dari segi pembahagian harta. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, adat Temenggung menggunakan konsep patrilineal iaitu pembahagian harta mengikut nasab sebelah lelaki atau bapa. Adat temenggung disambut baik oleh masyarakat di Semenanjung Malaysia dan menjadi antara salah satu daripada budaya serta undang-undang yang perlu dipatuhi.

2.2.1 Adat Perpatih

Adat perpatih pula merupakan adat yang diasaskan oleh Datuk Perpatih Nan Sebatang dan diamalkan oleh masyarakat adat di Negeri Sembilan serta beberapa daerah lain seperti di daerah Naning, Melaka (Mohd Salleh, 2017). Manakala, beberapa masyarakat Minangkabau di Kampung Lukut, Kota Tinggi Johor turut mengamalkan adat perpatih (Mohd Salleh, 2017). Adat perpatih merupakan adat yang mementingkan muafakat dan musyawarah dalam sistem sosial masyarakat adat di Negeri Sembilan bersesuaian dengan perbilangan adat yang menyatakan ‘Bulat air kerana pembentung, bulat kata kerana muafakat’, perbilangan adat ini merujuk kepada

semangat kebersamaan dalam membuat keputusan. Adat perpatih juga meliputi seluruh aspek antaranya politik, perundangan, ekonomi dan penentuan kepimpinan adat.

2.2.2 Matrilineal

Adat perpatih mementingkan jurai keturunan sebelah wanita atau matrilineal. Hal ini kerana, perempuan adalah pemegang zuriat satu suku serta pemegang amanah harta pusaka (Jamil, 2012). Berdasarkan konsep matrilineal, pembahagian harta pusaka diberatkan ke sebelah wanita. Ibu Soko memainkan peranan penting dalam sistem demokrasi dalam adat perpatih. Hal ini merujuk kepada tugas Ibu Soko dalam menasihati dan memberi pandangan terhadap sistem pemilihan ketua dalam adat perpatih.

2.2.3 Asimilasi Adat

Adat Perpatih dibawa daripada Sumatera Barat oleh pendatang Minangkabau yang berhijrah ke Tanah Melayu dan seterusnya membawa budaya dan adat istiadat yang diamalkan oleh mereka. Pelaksanaan adat Perpatih di Negeri Sembilan dan di Sumatera Barat mempunyai perbezaan. Adat perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan telah mengalami percampuran budaya atau telah berasimilasi dengan adat masyarakat asal di Negeri Sembilan iaitu adat Benar (Mohd Salleh, 2017). Namun adat yang dibawa dan adat yang sedia ada tetap diamalkan seperti perbilang adat ‘Dimano alam berkedudukan, adaik (adat) di situ di pakaian’. Asimilasi budaya atau percampuran adat berlaku apabila perkahwinan antara masyarakat Minangkabau dengan orang Jakun berlaku (Ibrahim, 1993). Menurut Mohd Salleh (2017), sebelum kedatangan masyarakat Minangkabau, daerah-daerah di Negeri Sembilan telah didiami oleh penduduk asli dari kumpulan Melayu-Proto yang menjalankan aktiviti harian seperti bertani, memburu dan sebagainya.

‘Karatau madang dek ulu, babuah babunga bolun, merantau bujang dahulu dirumah paguna bolun’ yang bermaksud anak muda diharuskan merantau untuk mencari ilmu pengetahuan serta kekayaan dan kemudiannya balik dengan membawa

manfaat di kampung halaman. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan masyarakat Minangkabau yang sering merantau. Asimilasi adat perpatih berlaku hasil daripada percampuran tiga adat utama yang diamalkan oleh masyarakat Minang, Siak dan penduduk asal Negeri Sembilan. Percampuran adat nan tigo, adat elok baleh, adat tuah disakato, adat tempatan (siak) serta adat benar membentuk adat perpatih yang baharu dan diamalkan di Negeri Sembilan pada masa kini. Adat nan tigo, adat elok baleh dan adat tuah disakato merupakan adat yang diamalkan oleh masyarakat Minang, manakala adat tempatan pula diamalkan oleh orang Siak dan adat benar yang diamalkan oleh masyarakat asli di Negeri Sembilan.

2.2.4 Pelaksanaan Adat Perpatih

Adat perpatih menjadi asas kepada undang-undang dan pemerintahan kerajaan Pagar Ruyung di Indonesia. Adat perpatih telah diamalkan oleh masyarakat adat di Negeri Sembilan lebih daripada enam ratus tahun (Ibrahim, 1993). Walaupun berbeza dengan adat yang digunakan oleh negeri-negeri, lain adat perpatih tidak bercanggah dari segi syarak bersesuaian dengan perbilangan adat ‘Adat bersendi syarak, Syarak bersendi kitabullah’. Agama turut ditekankan dalam pengamalan adat perpatih dan menjadi sumber pegangan masyarakat adat seperti yang ditekankan oleh perbilangan adat iaitu ‘Syarak mengata adat memakai’.

2.2.5 Demokrasi

Sistem demokrasi masyarakat adat perpatih menonjolkan keunikannya yang tersendiri. Pemilihan pemimpin dipilih adalah berkonsepkan musyawarah atau perbincangan. Menurut Mohd Salleh (2017), terdapat tujuh pemimpin utama mengikut hierarki adat Perpatih termasuklah anak buah, Kedim, Basar atau besar, Buapak, Lembaga, Undang atau Penghulu dan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Pemimpin perlu menjalankan tugas mengikut skop tugas masing-masing. Pemilihan pemimpin menggunakan konsep ‘bottom up’ iaitu dibuat secara dari bawah ke atas. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, bermula daripada anak buah, Buapak, Lembaga, Undang dan Yang Di-Pertuan Besar dipilih mengikut konsep musyawarah dan demokrasi. Konsep demokrasi diamalkan bagi memastikan rakyat berada dalam

keadaan baik, harmoni dan aman. Proses pemilihan pemimpin agak rumit kerana kriterianya yang agak ketat seperti tidak baran, tidak kasar, mampu mengawal emosi dan bijaksana.

2.2.6 Suku

Konsep suku merupakan satu konsep kekeluargaan. Suku terbentuk daripada perkongsian pertalian darah sebelah ibu dan dipanggil sebagai adik beradik. Terdapat 12 suku yang masih ada di Negeri Sembilan iaitu 'Biduanda, Batu Hampar, Mungkal, Sri Lemak, Paya Kumbuh, Tiga Nenek, Sri Melenggang, Batu Belang, Tanah Datar, Anak Aceh, Anak Melaka dan Tiga Batu'. Menurut Mohd Salleh (2017), suku di Negeri Sembilan berbeza dengan suku di Sumatera Barat kerana, nama suku di Negeri Sembilan diambil daripada kampung halaman masyarakat Minang terdahulu di Sumatera Barat seperti, Paya Kumbuh dan Batu Hampar kedua-dua suku ini merupakan antara nama kampung yang terdapat di Sumatera Barat, Indonesia. Suku diketuai oleh seorang ketua yang dipanggil Buapak dan berperanan dalam menjaga anak buah di bawah suku yang dipimpinnya.

2.2.7 Adat Utama

Adat perpatih mempunyai peraturan atau adat kecil yang digunakan dalam upacara tertentu. Terdapat beberapa adat utama yang diamalkan mengikut undang-undang dan aturan adat perpatih seperti adat istiadat dalam menurunkan alat kebesaran diraja yang dilakukan oleh pembesar istana. Adat merantau juga merupakan salah satu adat yang sering dikaitkan dengan adat perpatih dan menjadi kewajipan bagi kaum lelaki mencari kekayaan dan ilmu serta memberi manfaat kepada keluarga. Seterusnya, adat berkedim atau masuk suku dilaksanakan bagi menerima seorang individu diterima masuk sebagai ahli sesebuah suku dalam masyarakat adat perpatih. Terdapat juga adat lain seperti adat istiadat menghadap, adat istiadat kerjan dan sebagainya.

2.3 Perkahwinan

Adat perkahwinan merupakan adat utama yang diamalkan dalam sistem adat perpatih. Adat istiadat perkahwinan dalam konteks adat perpatih disebut sebagai adat semenda-menyemenda dan juga merupakan asas penting dalam ruang lingkup kekeluargaan (Ibrahim, 1997). Perkahwinan mengikut adat perpatih ini mempunyai aturannya yang tersendiri dan lebih kompleks berbanding perkahwinan yang diamalkan dalam adat temenggung.

Perkahwinan dalam adat perpatih terbahagi kepada beberapa peraturan yang perlu dipatuhi dan ianya bermula daripada adat merisik atau risik nan duai sehingga adat menyalang (Mat Ail, 2011). Adat perpatih menetapkan syarat yang ketat bagi sesebuah upacara perkahwinan di mana perkahwinan sesama suku adalah dilarang kerana individu yang sama suku dianggap sebagai adik beradik ataupun saudara terdekat (Hitam, 1984). Jika peraturan ini dilanggar, hukuman yang setimpal akan dikenakan (Ibrahim, 1997).

2.4 Budaya Material

Budaya material atau budaya kebendaan merupakan suatu objek atau benda yang digunakan dalam upacara tertentu. Budaya material juga boleh diklasifikasi sebagai objek, artifak, barangan dan benda yang digunakan dalam sesebuah upacara. Budaya material merupakan medium representasi tentang cara hidup individu pada masa lalu dan kini dalam memahami diri sendiri dan masyarakat (Berger, 2016). Budaya material boleh membangkitkan memori masa lalu melalui, bau, sentuhan dan tekstur objek (Grassby, 2005). Budaya memainkan peranan penting dalam sesebuah upacara atau adat istiadat. Menurut Miller (1997), budaya material memberi makna yang kompleks dan hubungan sosial serta mencerminkan nilai budaya dan cita rasa individu. Terdapat juga budaya material yang melengkapi setiap adat dan budaya yang diamalkan.

2.5 Pengekalan dan Pelestarian

Menurut Jalil (2022), adat perpatih diancam kepupusan sekiranya tiada langkah proaktif dijalankan dalam melestarikan adat perpatih. Pelestarian warisan budaya penting dalam mengekalkan budaya yang diturunkan secara turun-temurun. Warisan budaya ketara dan tidak ketara terdedah kepada kepupusan dan kemusnahan daripada pelbagai aspek. Pengekalan dan pelestarian warisan budaya penting dalam menjaga warisan budaya. UNESCO (2003) telah menjelaskan langkah pelestarian warisan budaya mengikut prosedur atau langkah yang telah disediakan bagi warisan budaya tidak ketara seperti adat, pengetahuan, budaya, budaya material dan sebagainya. Pengekalan dan pelestarian warisan budaya tidak ketara boleh merujuk kepada budaya material yang didefinisikan sebagai objek atau artifak. Hal ini termasuk langkah pengekalan dan pelestarian warisan budaya yang perlu dipatuhi oleh pihak berkempenangan serta masyarakat.

Pelestarian warisan budaya tidak ketara mempunyai enam jenis pendekatan antaranya ialah pengekalan, pelestarian, pemuliharaan, pembinaan semula dan adaptasi (Mekonnen et al., 2022). Pengekalan membawa maksud mengekalkan warisan supaya tidak berubah, pelestarian adalah langkah supaya warisan itu tidak pupus atau hilang, pemuliharaan pula membawa maksud langkah memulihara warisan daripada kerosakan, pembinaan semula adalah proses mengembalikan warisan seperti asal supaya ianya masih boleh diamalkan dan seterusnya adalah adaptasi di mana warisan budaya tidak ketara boleh beradaptasi dengan masa supaya tidak ditinggalkan.

2.6 Aplikasi Teori

Teori interaksi simbolik memfokuskan hubungan antara manusia dan objek, individu, peristiwa, dan tingkah laku (Carter dan Fuller 2015). Terdapat tiga asas kepada teori interaksi simbolik di mana interaksi berlaku antara, fikiran manusia, diri, dan masyarakat (Siregar, 2016). Simbolik pula didefinisikan sebagai lambang atau berkaitan dengan lambang (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017). Teori interaksi simbolik ini dipelopori oleh dua individu utama iaitu George Herbert Mead dan Herbert Blumer. Teori interaksi simbolik mula dibincangkan pada tahun 1931.

Teori interaksi simbolik menekankan beberapa aspek penting antaranya adalah tindakan manusia dalam sesuatu perkara mengikut makna sesuatu objek atau benda dan ianya juga berfungsi sebagai interaksi dan hubungan antara objek dan manusia (Snow, 2001). Budaya material adat perpatih memberikan simbol dan makna yang berbeza dari segi penggunaannya. Ianya memainkan peranan penting dalam upacara dan menjadi simbolik kepada upacara yang dilakukan seperti upacara perkahwinan, masuk suku, menyalang dan sebagainya. Seterusnya, dalam konteks budaya material adat perpatih dalam upacara perkahwinan, objek-objek seperti boko, nasi panco, tetapak, lelangit, tabir, alat solek, pakaian dan sebagainya menjadi salah satu daripada simbolik dan juga mempunyai makna yang tersendiri dalam upacara yang melambangkan adat perpatih tersebut.

Pendekatan teori interaksi simbolik merupakan pendekatan yang paling relevan bagi mengkaji makna dan simbol budaya material adat perpatih dalam upacara perkahwinan di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Ianya memfokuskan interaksi antara manusia dengan objek dan menelusuri makna dan simbol di sebalik budaya material.

2.7 Kesimpulan

Kesimpulannya, sorotan kajian ini merupakan bahagian yang penting dalam kajian ini. Bukan sahaja memberi panduan, sorotan kajian ini juga menjadi bahan rujukan untuk pengkaji. Kajian terdahulu tentang adat perpatih, budaya material, adat perkahwinan dan teori interaksi simbolik ini menjadi bahagian yang penting dalam kajian ini. Mengupas secara teliti setiap kata kunci yang dikaji bagi memudahkan pembaca memahami apa yang dikaji oleh pengkaji.

BAB TIGA

METODOLOGI

3.0 Pengenalan

Metodologi merupakan bahagian yang membincangkan keadah yang digunakan dalam mencapai objektif kajian ini. Bab ini membincangkan pendekatan kajian iaitu kualitatif dengan lebih mendalam dengan menerangkan definisi kualitatif dan metod yang digunakan. Reka bentuk kajian iaitu etnografi juga diterangkan bagi memastikan kajian ini berada di landasan yang tepat semasa kajian ini dijalankan. Seterusnya, kaedah kajian seperti temu bual secara mendalam dan pemerhatian ikut serta turut dibahaskan. Melalui kajian ini, sumber data kajian seperti data primer dan data sekunder diguna pakai bagi memudahkan kajian ini dijalankan. Bab ini juga menerangkan tentang pensampelan data iaitu teknik pensampelan bola salji dalam mencari dan mendapatkan informan. Akhir sekali, bab ini juga membahaskan bagaimana analisis data dilakukan dengan menggunakan kaedah tematik yang mempunyai beberapa jenis proses daripada transkripsi data sehingga ke membuat laporan akhir. Kesemua perkara ini dibincangkan secara teliti dalam menjalankan kajian mengenai makna dan simbolik budaya material adat Perpatih dalam upacara perkahwinan adat di Negeri Sembilan. Metodologi kajian merupakan bahagian yang penting dalam menerangkan bagaimana proses kajian ini dijalankan untuk mendapatkan data dan maklumat kajian yang tepat. Pendekatan kajian iaitu kualitatif digunakan secara menyeluruh dalam membantu mendapatkan maklumat yang berkualiti sesuai dengan objektif kajian ini dijalankan.

3.1 Pendekatan Kajian

Pendekatan kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif. Pendekatan kualitatif merupakan medium yang berkesan dalam melaksanakan kajian ini. Penyelidikan kualitatif ialah pendekatan yang sistematik dalam memahami pengalaman, tingkah laku dan perspektif manusia melalui temu bual dan analisis yang mendalam (Awasthy, 2019). Sesuai dengan objektif kajian, pendekatan kualitatif memberi pemahaman yang tepat dalam mengkaji tingkah laku dan persepsi masyarakat serta interaksi masyarakat terhadap budaya material khususnya dalam adat perpatih. Awasthy (2019) menyatakan bahawa pendekatan kualitatif menggunakan pelbagai kaedah seperti pemerhatian ikut serta, temu bual secara mendalam, dan kumpulan berfokus bagi mendapatkan maklumat dengan tepat. Walau bagaimanapun, hanya kaedah temu bual secara mendalam serta pemerhatian ikut serta digunakan dalam kajian ini. Kajian mengenai makna dan simbol budaya material adat Perpatih dalam upacara perkahwinan adat di Negeri Sembilan ini menggunakan pendekatan kualitatif kerana berpotensi untuk menyokong dari segi pengumpulan data.

Penyelidikan kualitatif menerangkan bahawa penyelidik adalah peserta aktif dalam penciptaan data dan analisis (Addington-Hall et al., 2007). Menurut Aswathy (2019), pendekatan kualitatif mempunyai proses seperti menentukan soalan am, pemilihan kawasan kajian, pengumpulan data, tafsiran data, menentukan konsep dan teori dan menulis dapatan kajian. Seterusnya pendekatan kualitatif merupakan paling berkesan dalam memperolehi maklumat bagi mencapai ketiga-tiga objektif kajian iaitu mengenal pasti budaya material adat perpatih dalam perkahwinan adat di Negeri Sembilan, mengkaji kepentingan budaya material adat perpatih dalam upacara perkahwinan adat dari perspektif masyarakat adat di Negeri Sembilan dan menganalisis langkah-langkah pelestarian ilmu mengenai budaya material adat perpatih dalam kalangan masyarakat adat di Negeri Sembilan.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Etnografi adalah reka bentuk kualitatif yang mengkaji interaksi sosial, tingkah laku, dan persepsi dalam kumpulan atau komuniti (Reeves et al., 2008). Reka bentuk kajian etnografi memainkan peranan penting pada bahagian dapatan kajian. Hal ini kerana, menurut Awasthy (2019), reka bentuk etnografi merupakan salah satu pendekatan yang memfokuskan kumpulan sosial serta budaya masyarakat, sesuai dengan kajian yang dilakukan iaitu mengkaji makna dan simbol budaya material adat perpatih dalam upacara perkahwinan adat di Negeri Sembilan. Menurut Reeves et al., (2008), etnografi memberikan pandangan yang terbaik tentang tingkah laku masyarakat melalui pemerhatian turut serta dan temu bual. Etnografi juga merupakan satu cabang daripada antropologi yang mengkaji tingkah laku manusia, masyarakat dan budaya (McGranahan, 2018). Interaksi antara masyarakat adat perpatih di Negeri Sembilan dengan budaya material adat perpatih terutama dalam upacara perkahwinan adat boleh dikaji menggunakan kaedah etnografi. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, kajian ini memberi fokus kepada budaya dan masyarakat adat yang mengamalkan adat perpatih.

3.3 Kaedah Kajian

Kaedah yang digunakan dalam kajian tentang makna dan simbolik budaya material adat Perpatih dalam upacara perkahwinan adat di Negeri Sembilan bagi mencapai matlamat atau objektif kajian ini adalah temu bual secara mendalam dan pemerhatian ikut serta. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang mementingkan kualiti sesuatu maklumat.

3.3.1 Temu Bual

Kaedah temu bual merupakan kaedah yang penting kerana terdapat interaksi antara pengkaji dan informan yang membolehkan pengkaji mendapat maklumat dengan lebih mendalam dan sekali gus memerhati tingkah laku orang yang ditemu bual. Kaedah ini memerlukan pengkaji bertemu dengan informan secara langsung untuk memperoleh data berkenaan dengan kajian yang dilakukan. Kaedah ini boleh dipecahkan kepada tiga jenis iaitu

berstruktur, semi berstruktur, dan tidak berstruktur (Qu & Dumay, 2011). Kajian ini menggunakan kaedah temu bual secara mendalam dan semi struktur bagi membolehkan pengkaji mendapat maklumat dengan menyeluruh dan tidak memaksa informan. Kaedah temu bual ini berfokus kepada individu yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan mengenai adat perpatih seperti Ibu Soko, Buapak, Dato Lembaga dan masyarakat adat itu sendiri.

Terdapat beberapa alat bantuan yang digunakan dalam kaedah temu bual ini antaranya adalah telefon pintar, perakam suara dan nota lapangan. Alat ini membantu pengkaji bagi mengambil data dan memudahkan proses dalam menganalisis data.

3.3.2 Pemerhatian

Kaedah ini dipecahkan kepada dua seperti pemerhatian secara terus atau pemerhatian secara penglibatan. Kostera (2021) menyatakan bahawa, pemerhatian merupakan salah satu kaedah etnografi yang membolehkan penyelidik mengumpul data pengalaman secara langsung dan memahami komuniti manusia. Pemerhatian secara terus dilakukan tanpa ada interaksi antara pengkaji dan informan. Dalam penyelidikan etnografi, pemerhatian membolehkan penyelidik mengkaji orang dalam persekitaran asal mereka, mendapatkan pandangan tentang perspektif mereka (Baker et al, 2008). Pemerhatian ikut serta sesuai digunakan dalam mencapai objektif kedua iaitu mengkaji kepentingan budaya material adat perpatih dalam upacara perkahwinan dari perspektif masyarakat adat di Negeri Sembilan. Kajian ini menggunakan pemerhatian secara penglibatan dengan merasai dan menggunakan budaya material yang ada pada rumah informan atau masyarakat adat di Negeri Sembilan khususnya di Kuala Pilah.

3.4 Sumber Data Kajian

Kaedah pengumpulan data merupakan komponen penting dalam kajian ini. Ianya bertindak sebagai panduan kepada pengkaji dalam mengumpul data dengan baik dan teliti. Kaedah pengumpulan data dibahagikan kepada dua iaitu data primer yang juga merupakan sumber data secara langsung dan data sekunder iaitu sumber data seperti buku, jurnal, bahan perpustakaan dan sebagainya.

3.4.1 Data Primer

Data primer diperoleh daripada beberapa jenis kaedah antaranya temu bual dan pemerhatian. Data primer ini juga merupakan data yang pertama yang diperoleh daripada pengkaji. Data primer adalah sumber yang diperoleh secara langsung dari sumber asli (Pramiyati et al., 2017). Kajian ini menggunakan data primer sebagai sumber utama dalam memperolehi maklumat berkaitan kajian dan dalam menulis laporan kajian.

3.4.2 Data Sekunder

Data sekunder merupakan data yang diperoleh daripada buku ataupun bahan bacaan. Data sekunder ini merupakan data yang penting dalam menjalankan kajian. Sumber data sekunder boleh menjadi pelbagai, bermula daripada banci kerajaan dan rekod organisasi kepada data penyelidikan yang di kumpul sebelum (Pederson et al., 2020). Kajian ini menggunakan data sekunder secara menyeluruh dalam mencari maklumat berkaitan dengan kajian terutama berkenaan adat perpatih. Kajian ini menggunakan akses internet kepada e-jurnal dan artikel yang berada di internet. Seterusnya kajian ini juga menggunakan buku yang berada di perpustakaan bagi mencari maklumat dengan lebih mendalam berkaitan dengan kajian ini.

3.5 Pensampelan data

Pensampelan data adalah proses mencari informan untuk ditemu bual. Kajian ini menggunakan teknik ‘snowball’ dalam mencari informan. Teknik pensampelan bola salji adalah kaedah yang penting untuk penyelidikan kualitatif (Dragan dan Isaic-Maniu, 2013), terutamanya apabila mengkaji populasi yang sukar dicapai atau topik sensitif (Bockorni & Gomes, 2021). Melalui teknik bola salji, kajian akan diteruskan dengan menemu bual informan yang terdekat atau yang berada di kawasan terlibat. Jika ada keperluan pengkaji akan meluaskan kawasan kajian bagi mendapatkan maklumat penting tentang kajian ini.

Jadual 3.1: Informan Temu Bual

(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)


Kod	Umur	Pekerjaan
Informan 1	69 Tahun	Ibu Soko (Biduanda)
Informan 2	65 Tahun	Buapak (Tanah Datar)
Informan 3	35 Tahun	Pembantu Muzium
Informan 4	57 Tahun	Jurutera
Informan 5	54 Tahun	Suri rumah
Informan 6	63 Tahun	Dato Perdana & Dato Lembaga (Biduanda)
Informan 7	65 Tahun	Ibu Soko (Biduanda)

Jadual 3.1 menunjukkan bilangan informan yang telah ditemu bual. Kesemua informan mewakili masyarakat adat di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Latar belakang setiap informan berbeza mengikut umur, pekerjaan dan jawatan.

Informan terdiri daripada Ibu Soko, Buapak, Jurutera, Suri rumah dan Dato’ Lembaga. Informan ini dipilih mengikut bola salji serta berfokuskan kepada individu yang berkepentingan serta yang mempunyai pengetahuan asas mengenai adat perpatih.

3.6 Analisis data

Analisis data merupakan bahagian maklumat dan dapatan hasil daripada kaedah temu bual dan pemerhatian dianalisis untuk menjadi satu maklumat yang matang. Kajian ini menggunakan kaedah tematik dalam menganalisis data (Braun & Clarke, 2017). Nowell et al. (2017) menyediakan panduan komprehensif untuk menjalankan analisis tematik yang tepat, menekankan kepentingan ketelusan dan kebolehpercayaan dalam proses tersebut. Kaedah tematik mempunyai beberapa jenis proses. Proses ini biasanya termasuk transkripsi data, menjana kod, mencari tema, menyemak serta memperhalusi tema, dan menghasilkan laporan akhir (Fuchs, 2023; Peterson, 2017). Proses menganalisis data ini merupakan proses di mana data yang diperoleh daripada hasil temu bual dan pemerhatian diperhalusi dan ditentukan tema sehingga mendapat maklumat yang tepat dan konsisten.



Rajah 3.1: Peringkat dalam Analisis Tematik

Rajah 3.1 menunjukkan langkah-langkah dalam analisis tematik mengikut pendekatan tematik. Langkah analisis tematik bermula daripada transkripsi data, kod, mencari tema, membuat laporan dan triangulasi.

a. Transkripsi data

Transkripsi data merupakan bahagian pertama dalam proses menganalisis data. Maklumat daripada hasil temu bual secara mendalam dan pemerhatian secara ikut serta dikeluarkan kedalam bentuk teks.

Jadual 3.2: Proses Transkripsi Data
(Sumber: Kajian Lapangan 2024)

Transkrip Temu bual

Nama: Puan Mariani (ibu soko)
Tarikh: 14 September 2024
Masa: 2.00pm

	Transkrip Bualan	Kod	Tema
A (you)	Assalamualaikum wan, saya shaquan datang dengan omak dengan maksu ni nak tanyo pasal adat perpatih ni. Sayo buek kailan pasal adat perkahwinan tapi fokus eh dokek alatan adat perpatih tu. Awal eh ni sayo tanyo pasal adat tu dulu la yo. Wan ni suku apo yo.		
B (IV)	Wan ni suku biduando, suku biduando pulak ado porut eh	Biduanda	
A	porut macam mano tu wan, macam mano boleh ado asing asing pulak		
b	Kito ni duo biduando ni memang satu suku la, tapi dek tak sepefahaman kenduri kendara la raso eh, pasal makananlah jadikan satu duduk hutan satu duduk darat satu lari ko bawah ha dek pasal makananlah dio jadi pergaduhan. kalau kato eh babilah punco eh. Kalau dulu kan sumo makan babi. Dio kato kalau betul daging babi tu ado, dio kato haram kau makan, jadi kek situ merajuk lah duo puak biduando ni. Sobonarnya dio satu porut yolah ni, asli dongan yang ni. Sapo suku biduando ni dio orang asli, dio yang berkuaso. Haa, Kek tu pertelingkahan persefahaman, Adat adat eh yang semuo kito ikut ni samo yo macam orang asli yo.	dua biduanda - asli tidak asli sefahaman - kenduri sefahaman - makanan - halal dan tak halal hutan dan darat asli - berkuasa sama dengan orang asli	Suku dalam adat perpatih Perbezaan dalam s
A	Sebab kan adat perpatih gabung dengan adat benar kan.	Adat benar Gabung adat perpatih	Gabungan adat
B	Haaa		
A	Saya nak tanya dalam proses perkahwinan tu kan daripada merisik ko adat menyalang.		

Jadual 3.2 menunjukkan proses transkripsi data dilakukan oleh pengkaji mengikut analisis tematik. Menurut Bailey et al. (2008), transkripsi data merupakan bahagian pertama dan penting dalam analisis data kualitatif, ianya melibatkan penukaran audio dan video kepada teks bertulis. Proses transkripsi data dilakukan setelah maklumat daripada temu bual secara mendalam dan pemerhatian secara ikut serta. Penyediaan maklumat daripada kaedah temu bual dan pemerhatian perlulah disediakan dengan baik untuk analisis yang berkesan.

b. Kod

Pengekoden merupakan proses mengkategorikan data kepada bahagian yang lebih kecil dan mudah difahami yang dipanggil kod dan dikategorikan dan dikembangkan menjadi tema (Khokhar et al., 2020). Pengekoden ini memudahkan kajian ini untuk mendapat maklumat dengan lebih mudah dan lebih efektif.

c. Mencari Tema

Seterusnya, penentuan dan pencarian tema dilakukan secara peringkat demi peringkat. Memerlukan pemahaman dengan lebih mendalam kepada maklumat dan dapatan hasil kajian. Hasil daripada kajian dan ketepuan data diperlukan dalam mencari tema untuk bahagian ini.

d. Membuat Laporan

Langkah seterusnya ialah membuat laporan. Laporan hasil daripada proses transkripsi data, pengekoden serta mencari tema diperolehi bagi dapatan kajian. Laporan adalah hasil daripada tema-tema yang telah di buat pada bahagian mencari tema.

e. Triangulasi

Triangulasi merupakan bahagian di mana data daripada laporan diteliti daripada beberapa perspektif bagi mendapat ketepuan data serta kesahihan data. Bahagian ini memainkan peranan penting dalam mengaitkan sumber data primer dan data sekunder dalam mencapai dapatan kajian yang baik. Temu bual serta pemerhatian ikut serta akan dibincangkan bersama sumber data sekunder seperti artikel, bahan perpustakaan dan sebagainya bagi mendapat maklumat yang tepat dan konkrit.

3.7 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bahagian ini menerangkan tentang metodologi kajian dan pendekatan. Bahagian ini menyentuh secara terperinci tentang pendekatan kajian, kaedah kajian, reka bentuk kajian dan sebagainya. bahagian ini merupakan antara bahagian yang penting dalam kajian yang menjadi panduan kepada pengkaji dalam menyiapkan kajian ini. Bahagian ini juga memainkan peranan penting dalam menetapkan kaedah pengumpulan data dan menganalisis data yang diperoleh melalui sumber primer ataupun sekunder. Metodologi kajian ini penting dalam mencapai objektif yang ditetapkan.

BAB EMPAT

ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.0 Pengenalan

Bab empat membincangkan mengenai hasil dapatan yang telah dianalisis menggunakan analisis tematik. Tujuh tema telah diekstrak daripada dapatan kajian iaitu adat perpatih, perspektif masyarakat terhadap adat perpatih, adat perpatih dan Islam, peraturan adat, proses perkahwinan adat perpatih, material budaya dalam perkahwinan adat perpatih dan pelestarian ilmu adat perpatih.

4.1 Adat Perpatih

Adat merupakan satu panduan atau peraturan hidup yang sering digunakan pada masa dahulu bagi mengatur kehidupan masyarakat supaya berada dalam keadaan harmoni, selamat dan sejahtera (Marzali, 2012). Terdapat dua jenis adat utama yang digunakan oleh masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia iaitu adat temenggung dan adat perpatih. Hasil kajian ini mendapati bahawa masyarakat adat menganggap bahawa adat Perpatih ini adalah aturan orang terdahulu seperti yang dinyatakan oleh Informan 6, *“Adat perpatih ni merupakan sobahagian daripado caro hidup orang Melayu Negeri Sembilan”* [adat perpatih merupakan sebahagian daripada cara hidup orang Melayu di Negeri Sembilan] (Informan 6, Temu Bual, 30 September 2024). Informan 6 menjelaskan bahawa adat perpatih merupakan sebuah cara hidup dan peraturan yang perlu diikuti oleh masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Hal ini disokong oleh Radzuan (2021) yang menyatakan bahawa adat perpatih dianggap sebagai satu undang-undang adat dan tradisi hidup masyarakat Melayu khususnya di Negeri Sembilan. Adat perpatih merupakan tunjang utama bagi kehidupan bermasyarakat di Negeri Sembilan. Bagi Informan 7 beliau menegaskan bahawa, *“Kalau dikaji balik adat perpatih ini memang indah, orang luar menyanjung adat perpatih ini”* (Informan 7, Temu Bual, 30 September 2024).

Berdasarkan hasil pemerhatian yang dijalankan di Muzium Adat, Jelevu, Negeri Sembilan, menyatakan bahawa adat perpatih merupakan asimilasi daripada lima jenis gabungan adat iaitu adat nan tigo, adat elok baleh, adat tuah disakato, adat tempatan siak dan adat tempatan (adat benar) Negeri Sembilan. Informan 1 menyatakan “*adat kito ni banyak guno adat orang asli*” [adat kita ni banyak menggunakan adat Orang Asli] (Informan 1, Temu Bual, 14 September 2024). Pernyataan ini juga turut disokong oleh Ibrahim (1993) bahawa adat perpatih mempunyai prinsip yang sama dengan adat alam Minangkabau tetapi berbeza dari segi beberapa aspek jika dilihat secara terperinci.

Adat perpatih di Negeri Sembilan mempunyai struktur sosial yang unik, di mana sistem matrilineal memainkan peranan penting dalam membentuk identiti dan warisan masyarakatnya. Dalam konsep matrilineal, garis keturunan dan warisan diturunkan melalui nasab sebelah ibu, memberikan kedudukan yang tinggi kepada wanita dalam struktur keluarga (Rushdan et al., 2023). Sistem ini bukan sahaja mempengaruhi pembahagian harta dan hak warisan, tetapi juga menentukan peranan dan tanggungjawab setiap individu dalam masyarakat. Sistem adat perpatih sangat menjaga perempuan seperti yang dinyatakan oleh Informan 2 “*Sebab dio tu dijago, susah eh ditolong, takdo deh diadokan ha tu la deh*” [Sebab dia tu dijaga, kalau susah ditolong, kalau tak ada diadokan, itulah dia] (Informan 2, Temu Bual, 14 September 2024).

4.1.2 Pembahagian Harta

Pembahagian harta pusaka dalam adat perpatih merupakan satu ciri yang unik kerana ianya berasaskan matrilineal. Menurut Rushdan et al. (2023), harta pusaka terdiri daripada dua iaitu harta pusaka rendah dan harta pusaka tinggi. Harta pusaka rendah adalah harta yang diperolehi daripada ketua keluarga dan diberikan sama rata kepada anak manakala harta pusaka tinggi adalah peninggalan harta daripada nenek moyang sebagai contoh, tanah pusaka atau tanah adat, tapak rumah, dan sebagainya. Menurut pemerhatian pengkaji, harta pusaka tinggi merupakan amanah daripada suku kepada anggota suku. Hal ini disokong oleh Rushdan et al. (2023) yang menyatakan bahawa harta pusaka tinggi tidak dimiliki oleh seorang pewaris namun dimiliki oleh

lebih daripada seorang. Pembahagian harta pusaka bagi adat perpatih agak kompleks tetapi konsep pembahagian harta pusaka bagi adat perpatih tidak melanggar hukum syarak. Pernyataan ini sesuai dengan pendapat Informan 6 yang menyatakan bahawa:

Haa dia selari dengan agama. Tak ada satu pun ajaran adat perpatih ni yang bertentangan dengan islam, katakan tadi harta pusaka kenapa pergi ke perempuan. Dalam harta pusaka dia adat empat jenis. Harta pembawaan, harta dapatan, harta carian, dan harta pusaka. Kalau dikatakan tanah pusaka tu hak orang perempuan orang lelaki nak buek apo. Harta pembawaan masa dia kahwin dulu apa yang dibawa kereta sebiji dengan pakaian. Kalau bercerai itu bawa la balik. Harta sepencarian setelah kahwin dapat beli rumah, tanah kalau berlaku cerai kena bagi dua sebab dapat semasa kahwin. Dalam konsep adat ini adil. Kenapa dalam konsep adat tanah pusaka ni penting ke perempuan bukan kepada lelaki. Sebagai satu perlindungan. Harta pusaka ni perlindungan kepada perempuan. Tu sebab adat perpatih ni dia menjaga perempuan. Pasal apo orang lelaki dulu ni dio tak kesah lelaki dio berkahwin dia pergi kepada orang perempuan. Dia akan membina keluarga dia di situ. Dia akan mendapat tanah pusaka isteri nya. Tu boleh bangunkan dia boleh usahakan. Tanah pusaka mak dia tadi adik perempuan dia punyo. Yang lelaki datang ke perempuan

[Adat perpatih selari dengan ajaran Islam dan tidak bertentangan dengannya, termasuk dalam isu pembahagian harta pusaka. Dalam adat ini, harta pusaka dibahagikan kepada empat jenis iaitu harta pembawaan, harta dapatan, harta carian, dan harta pusaka. Harta pembawaan merujuk kepada barang yang dibawa semasa perkahwinan, seperti kereta atau pakaian, yang akan dikembalikan kepada pemiliknya jika berlaku perceraian. Harta sepencarian pula melibatkan harta yang diperoleh bersama selepas berkahwin, seperti rumah atau tanah, yang akan dibahagikan sama rata sekiranya berlaku perceraian. Dalam Adat perpatih, tanah pusaka diberikan kepada perempuan sebagai perlindungan,. Tradisi ini juga selaras dengan kehidupan masyarakat lama, di mana lelaki biasanya berkahwin dan berpindah ke keluarga perempuan, lalu membangunkan tanah pusaka milik isterinya. Tanah pusaka

ibu pula diwariskan kepada adik-beradik perempuan, sementara lelaki membina kehidupan bersama keluarga isteri mereka] (Informan 6, Temu Bual, 30 September 2024)

4.2 Perspektif Masyarakat Terhadap Adat Perpatih

Adat perpatih merupakan sistem adat yang bukan sahaja menjadi warisan turun-temurun masyarakat Negeri Sembilan, tetapi juga membentuk identiti budaya yang unik. Perspektif masyarakat terhadap adat perpatih sering kali dipengaruhi oleh pengalaman mereka dalam mengamalkan adat ini. Proses pemilihan ketua atau pemimpin bagi masyarakat yang mengamalkan adat perpatih adalah berbeza dengan masyarakat yang mengamalkan adat temenggung. Hal ini kerana adat perpatih mengamalkan konsep demokrasi dalam pemilihan pemimpin. Masyarakat adat perpatih terbahagi kepada empat lapisan iaitu suku dipimpin oleh Lembaga, perut dipimpin oleh Buapak, ruang dipimpin oleh Besar, dan rumpun dipimpin oleh Kodim, di mana setiap lapisan mempunyai pemimpin untuk mengurus hubungan kekeluargaan (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sembilan, 2024). Seperti yang disebut dalam perbilangan adat seperti:

Anak buah memilih Buapak

Buapak memilih Lembaga

Lembaga memilih Undang

Undang memilih YamTuan

Hal ini sejajar dengan pernyataan dari Informan 4 yang menyatakan bahawa “Dio memang yang hak tu. Pangkat eh tinggi tu. Dah taraf YamTuan dah. Tapi taraf melantik YamTuan tu dokek undang berempat ni lah ha kalau ompek ni salah satu tak setuju, tak naik yamtuan tu” [Dia memang yang berhak. Pangkatnya tinggi, dah setaraf dengan YamTuan. Tapi kuasa untuk melantik YamTuan tu terletak pada Undang Berempat. Kalau salah seorang daripada empat tu tak setuju, YamTuan tu tak akan dilantik] (Informan 4, Temu Bual, 26 September 2024)

4.2.1 Musyawarah

Seterusnya, konsep musyawarah dalam adat perpatih adalah penting, hal ini bukan saja sesuai dengan perbilangan adat iaitu ‘*bulat air kerana pembentung, bulat kata kerana muafakat*’, malah ianya disokong oleh Maamor dan Taif (2019) yang menyatakan bahawa adat perpatih menekankan konsep musyawarah dalam proses pengambilan keputusan, bertujuan untuk memastikan keadilan serta kelangsungan kesejahteraan dalam masyarakat. Selain itu, konsep musyawarah juga digunapakai dalam proses perkahwinan di mana ahli keluarga dan buapak akan berbincang hal-hal berkenaan dengan hari perkahwinan bagi pihak pengantin. Perbincangan dan musyawarah yang diamalkan oleh masyarakat adat dalam mencapai kata sepakat merupakan salah satu aturan atau budaya masyarakat adat di Negeri Sembilan. Hal ini berbalik kepada konsep demokrasi di mana muafakat dan musyawarah menjadi asas kepada proses membuat keputusan yang adil dalam sistem sosial adat perpatih. Pernyataan ini disokong oleh Informan 1 iaitu:

Di bawah eh hari risik tu. Buah buah tangan eh la budi bahaso eh buah buah tangan, buah-buahan ko makanan ko, tapi cincin tetap ado sobab itu tando kito datang merisik hahaha, bilo dah dibincangkan di hari merisik tu pak pak sedaro ni tadi dah sopakat po semuo barulah ditetapkan tarikh tuangan haaa.

[Di bawah hari risik tu, buah tangan itu lah budi bahasa, buah-buahan atau makanan, tetapi cincin tetap ada sebab itu tanda kita datang merisik. Bila dah dibincangkan di hari merisik tu, pak sedara ni tadi dah sepakat semua, barulah ditetapkan tarikh tunang] (Informan 1, Temu Bual, 14 September 2024).

4.3 Adat Perpatih dan Agama Islam

Agama Islam merupakan agama yang diamalkan oleh masyarakat Melayu di Malaysia. Walaupun ada anggapan bahawa adat perpatih tidak mengikut ajaran agama Islam dalam beberapa perkara, tetapi terdapat beberapa perbilangan adat dan teromba yang mengatakan bahawa agama Islam tetap menjadi tunjang kepada adat perpatih, seperti yang dinyatakan oleh Informan 2 iaitu *“Yang paling penting ikut lah adat dio adil kito bosondi hukum, hukum bosondi kitabullah salah dek adat salah dek hukum”* [Yang paling penting ikutlah adat, dia adil, kita bersendi hukum, hukum bersendi kitabullah. Salah dekat adat, salah dekat hukum] (Informan 2, Temu Bual, 14 September 2024). Hal ini sesuai dengan perbilangan adat yang menyatakan tentang adat dan agama Islam seperti *‘Adat bersendi hukum, hukum bersendi syarak. Syarak mengata, adat memakai’* yang bermaksud bahawa perkara yang bertentangan dengan al-Quran tidak boleh dipakai oleh adat. Menurut Informan 6 pula, *“Tak ada satu pun ajaran adat perpatih ni yang bertentangan dengan islam”* (Informan 6, Temu Bual, 30 September 2024). Justeru, agama Islam masih menjadi asas kepada pembentukan adat perpatih.

4.3.1 Perkahwinan Sesuku

Suku merupakan tunjang utama dalam adat perpatih. Pengertian suku dalam adat perpatih sering dibincangkan dengan teliti. Menurut Radzuan (2021), suku dalam konteks adat perpatih menawarkan “sense of belonging” atau semangat kepunyaan yang tinggi dalam masyarakat adat perpatih. Perkahwinan indogami adalah dilarang dalam adat perpatih. Hal ini dikatakan sedemikian kerana perkahwinan sesuku dianggap seperti berkahwin antara ahli keluarga. Menurut Mohamed Ibrahim (1968), perkahwinan antara dua individu daripada suku yang sama dianggap sebagai sumbang mahram dan dilarang Mohd Salleh (2017) menegaskan bahawa perkahwinan eksogami dituntut dalam adat perpatih. Konsep suku dianggap sebagai keluarga yang mempunyai struktur organisasi yang lengkap. Perkahwinan sesuku dilarang oleh adat perpatih kerana bimbang perkahwinan antara anak susuan berlaku. Hal ini dijelaskan lagi dengan cara hidup masyarakat adat perpatih di Negeri Sembilan yang kerap merantau untuk mencari ilmu, rezeki serta kehidupan yang lebih baik (Radzuan &

Sukri, 2019). Adat perpatih amat menjaga masyarakatnya dalam sistem perkahwinan sejajar dengan kehendak ajaran islam. Perkara ini dijelaskan lagi dengan pernyataan Informan 4 yang menyatakan bahawa:

Tu yang di cakap tu adat bersendi syarak, lepastu paklong poie jumpo ni pulak kadi pillah dah arwah dah haji mustapa dio pun sependapat dia pun cakap kalau ikut syarak memang haa bukan mahram boleh nikah kata dia kan. Tapi bila paklong cakap apa ni tok perdana punyo ulasan tu botul tu kato deh. Pasal orang dulu pun kalau adat istiadat adat perpatih tapi dio ikut hukum juga. dio bimbang juga pasal apo. Pasal ado ni nikah sekampung tapi dio tak cari nafkah dio koluar bini tinggal, bini eh mengandung, sudah eh anak eh disusuan kek orang lain tu yang dio apo la dio macam haa tula amik borek gak bondo tu

[Apa yang disebut tadi tu, adat bersendi syarak. Lepas tu, Paklong pergi jumpa dengan kadi Pilah, tapi kadi tu dah arwah, Haji Mustapa. Dia pun sependapat, dia kata kalau ikut syarak memang bukan mahram boleh nikah, katanya. Tapi bila Paklong cakap tentang ulasan Tok Perdana, memang betul apa yang dikatakannya. Sebab orang dulu, walaupun ada adat istiadat Adat perpatih, tapi mereka ikut hukum juga. Mereka risau juga sebab apa. Sebab ada kes nikah sekampung, tapi suami tu tak bagi nafkah, dia tinggalkan isteri. Isteri tu pula mengandung, lepas tu anaknya disusukan oleh orang lain. Jadi, itu yang membuat mereka macam... haa, tula, benda-benda macam ni jadi masalah juga] (Informan 4, Temu Bual, 26 September 2024).

4.3.2 Kesesuaian Agama Islam

Selain itu, upacara dan adat istiadat dalam adat perpatih juga berubah mengikut kesesuaian dan agama. Pelaksanaan adat berkedim yang dahulunya menggunakan darah kerbau sudah ditukarkan kepada sirap yang berwarna merah. Hal ini sejajar dengan ajaran Islam kerana darah dianggap sebagai najis dan tidak sesuai diletakkan di dalam dulang sekali dengan al-Quran. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa adat perpatih berbentuk fleksibel dan liberal dalam

pelaksanaannya. Meskipun begitu sesuatu keputusan perlulah merujuk kepada ketua adat seperti Lembaga yang lebih arif tentang adat itu sendiri. Informan 7 menyatakan: *“Dia bukan apa sebab nanti dalam dulang tu dia ada quran tau ada kain putih ada pisau dengan ada ni. Jadi takkan kita nak letakkan quran tu dengan darah”* [Sebab nanti dalam dulang tu ada al-Quran, kain putih dan pisau. Jadi takkan kita nak letakkan Al-Quran tu dengan darah] (Informan 7 Temu Bual, 30 September 2024).

4.4 Peraturan adat

Adat perpatih merupakan sistem adat yang kaya dengan peraturan dan larangan yang bertujuan untuk memastikan keharmonian dan kesejahteraan masyarakatnya. Peraturan adat merangkumi pelbagai aspek kehidupan, termasuk perkahwinan, kepimpinan, dan proses perbincangan dalam masyarakat. Adat perpatih menagamakan konsep pengajaran dan bukan semata menghukum. Hal ini sesuai dengan perbilangan adat iaitu *“dua salah tidak menjadikan satu betul”* yang bermaksud bahawa kebenaran dan keadilan hanya boleh dicapai melalui tindakan yang betul dan beretika. Perkara ini secara tidak langsung menjadi prinsip dalam membuat keputusan dalam adat perpatih.

4.4.1 Denda Jika Kahwin Sesuku

Dalam adat perpatih, perkahwinan sesama suku adalah dilarang kerana dianggap sebagai perkahwinan antara ahli keluarga terdekat. Larangan ini bertujuan untuk mengelakkan konflik dan menjaga hubungan kekeluargaan dalam suku. Menurut kajian yang dijalankan oleh Radzuan (2021), suku memainkan peranan penting dalam identiti dan struktur sosial masyarakat adat perpatih, tanpa suku adat ini tidak dapat diteruskan. Menurut Informan 1 *“Dulu dulu dendaaa, dendaa tak ado ko silap sikit dondo tapi sekarang takdo yang kotongahkan bondo ni sebab dulu banyak jatuuuh hukum, sikit sikit hukum haaa. Benda ni kito dah tak dongar lagi dah”* [Dulu-dulu, kalau buat salah sikit je, mesti ada denda, tapi sekarang ni takde orang ketengahkan pasal benda ni sebab dulu banyak sangat hukum, sikit-sikit ada hukum. Sekarang ni, benda ni dah takde orang cakap dah] (Informan 1, Temu Bual, 14 September 2024). Pernyataan Informan 1 turut disokong dengan perbilangan adat

seperti:

*Hidup tidak dipelihara,
Mati tak ditanam,
Harta diambil,
Tuan dibunuh.*

Perbilangan di atas merujuk kepada hukuman yang dikenakan terhadap pelaku yang menjalankan perkahwinan sesuku. Umum mengetahui bahawa, adat perpatih melarang perkahwinan sesuku atau indogami. Oleh itu, hukum kahar dikenakan kepada pasangan yang melanggar larangan tersebut (Galeri Diraja Tuanku Ja'afar, 2021). Pasangan yang melanggar larangan perkahwinan sesuku ini akan diusir daripada suku dan mereka tidak boleh menetap dalam kalangan masyarakat suku, dan seterusnya dipulaukan. Selain itu, bagi individu yang berjawatan, jawatannya akan ditarik semula dan hartanya akan dipulangkan kepada suku. Berdasarkan maklumat yang dipaparkan di Galeri Diraja Tuanku Ja'afar (2021) semasa pemerhatian dijalankan terdapat peristiwa di mana pelaku ditangkap dan dimasukkan ke dalam bakul dan seterusnya dibenamkan ke dalam sungai. Kubur mereka pula dikenali sebagai "Jerat Sumbang".

4.4.2 Pemasangan Set Kelengkapan Adat

Set kelengkapan adat menjadi elemen yang penting dalam upacara atau adat istiadat perkahwinan. Budaya material dalam upacara perkahwinan adat perpatih merujuk kepada konsep hormat kepada pemimpin. Set kelengkapan seperti lelangit, tabir lingkungan, semerit, tilam padak dan sebagainya adalah bertujuan untuk membezakan pemimpin adat dengan masyarakat biasa. Hal ini menunjukkan masyarakat adat perpatih menjaga pemimpin dalam adat perpatih. Pemimpin dalam adat perpatih disanjung tinggi oleh kerana peranannya dalam keberlangsungan sistem adat. Kelayakan pemimpin dalam adat perpatih juga diambil berat dan beberapa larangan perlu dipatuhi oleh pemimpin dalam adat perpatih. Menurut Selat (2014), pemimpin tidak boleh lekas marah, tidak boleh bercakap kasar, tidak boleh menyinsing baju dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, pemimpin dalam adat perpatih dijaga dan dihormati. Set kelengkapan untuk pemimpin dalam upacara adat

istiadat perkahwinan adalah bertujuan untuk menunjukkan rasa hormat dan budi bahasa. Pernyataan daripada Informan 6 menjelaskan:

...tu satu dia untuk mengormati ataupun dia untuk kita membezakan dia tau ni adalah tempat duduk Dato Lembaga yang kita khas kan jadi orang tahu la bezatu kalau ada benda tu ha ini ada Dato Lembaga datang masyarakat akan beza tu kalau ada benda tu ha ini ada Dato Lembaga datang masyarakat akan tahu kalau tidak biasala kan. Kalau kita dah siapkan tu Dato Lemaga pun akan tahu tu tompek duduk dio orang lain tak boleh duduk

[Ini bertujuan untuk menghormati atau membezakan tempat duduk yang dikhususkan untuk Dato Lembaga. Dengan adanya ciri-ciri khas tersebut, masyarakat akan tahu bahawa ini adalah tempat untuk Dato Lembaga. Apabila terdapat benda tersebut, masyarakat akan dapat mengenali bahawa Dato Lembaga hadir. Jika tiada, maka situasinya akan seperti biasa. Apabila tempat itu telah disediakan, Dato Lembaga juga akan mengetahui bahawa itulah tempat duduknya, dan orang lain tidak boleh duduk di situ] (Informan 6, Temu Bual, 30 September 2024).

4.4.3 Membawa Buapak dan Ibu Soko Semasa Proses Perbincangan

Dalam proses perbincangan seperti merisik dan bertunang, kehadiran Buapak dan Ibu Soko adalah wajib. Mereka bertindak sebagai wakil rasmi keluarga dan suku selain memastikan semua perbincangan dan keputusan mematuhi adat serta menjaga kepentingan kedua-dua belah pihak. Radzuan (2021) menekankan bahawa suku memberikan rasa kepunyaan dan identiti kepada anggota masyarakat adat perpatih, dan peranan Buapak serta Ibu Soko adalah penting dalam mengekalkan struktur sosial ini.

Ketiadaan mereka dalam proses ini boleh menyebabkan perbincangan dianggap tidak sah atau tidak lengkap, dan boleh menimbulkan ketegangan antara keluarga. Oleh itu, kehadiran Buapak dan Ibu Soko adalah penting untuk kelancaran proses perbincangan. Hal ini disokong dengan pernyataan dari Informan 4 “...Dio

tanyo suku apo. Dio tahu pulak kito ni adat perpatih siki solonggang haa.makno kito ni tak beradab la tu. Dio punyo bahaso tu...” [Dia tanya suku apa. Dia tahu pula kita ini Adat perpatih tetapi bersikap kurang sopan. Maksudnya, kita ini dianggap tidak beradab. Begitulah bahasa yang digunakannya] (Informan 4, Temu Bual, September 2024). Masyarakat adat perpatih mengamalkan konsep budi dalam setiap atur cara hidupnya. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan rasa hormat kepada pemimpin itu penting bagi masyarakat adat perpatih. Informan 6 menyatakan bahawa:

Dio apabila kita jumpa pemimpin pemimpin adat ni kita tak boleh pergi sorang. Kita kena cari kita punya buapak kita punya ibu soko sebab dalam adat perpatih ni kalau nak melakukan sesuatu kita kena merujuk kepada buapak dulu haa nuapak yang bawa kita jumpa dato lembaga kalau nak jumpa direct tu cakap kat dio. Tok saya datang ni bukan nak apo saya datang ni nak berburak yo tok. Melainkan kita datang dengan hajat tu mesti kena datang macam tu. Bawak tepak, bawa ibu soko, bawa buah tangan nak pi jumpa dia kalau ada hajat. Tapi kalau misal eh nak jumpa nak berborak cakap dulu tok saya datang ni nak berburak yo nanti sekali lagi saya datang sok macam mana tok saya tak tahu haa

[Apabila kita ingin bertemu dengan pemimpin-pemimpin adat, kita tidak boleh pergi seorang diri. Kita perlu mencari buapak kita atau ibu soko kita terlebih dahulu. Dalam adat perpatih, jika ingin melakukan sesuatu, kita mesti merujuk kepada buapak terlebih dahulu. Buapakah yang akan membawa kita untuk bertemu dengan Dato Lembaga. Kalau hendak berjumpa secara langsung, perlu beritahu dulu tujuan kita. ‘Tok, saya datang ini bukan untuk apa-apa, hanya untuk berbual sahaja.’ Tetapi jika kita datang dengan hajat tertentu, maka mestilah dilakukan mengikut adat. Kita perlu membawa tepak, ibu soko, dan buah tangan ketika ingin bertemu dengan mereka, terutama jika ada hajat. Namun, jika hanya ingin berbual, kita perlu memberitahu terlebih dahulu, ‘Tok, saya datang ini hanya untuk berbual sahaja, lain kali saya akan datang lagi kalau ada hajat]

4.5 Proses Perkahwinan

Proses perkahwinan dalam adat perpatih kaya dengan simbolik dan tradisi yang bertujuan untuk memperkukuh hubungan kekeluargaan dan menghormati adat. Ia terdiri daripada beberapa fasa utama yang bermula daripada adat merisik hingga adat menyalang dan seterusnya adat menyembah.

4.5.1 Adat Merisik

Adat merisik adalah langkah pertama dalam adat perkahwinan, di mana pihak lelaki menghantar wakil untuk bertanya status pihak perempuan. Adat merisik juga dipanggil sebagai risik nan duai dan risik andai (Idris dan Ibrahim., 1994). Kehadiran Buapak dan Ibu Soko dari pihak lelaki adalah wajib bagi memastikan proses ini mematuhi peraturan adat. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, adat perpatih mengamalkan konsep budi bahasa dalam setiap perbuatan serta atur cara majlis. Seperti yang dinyatakan oleh Informan 1:

Buapak eh mesti nak ado, pakcik-pakcik eh mosti nak hadir untuk dalam satu upacara tu lah untuk nak menyambut merisik tu tadi... Yang merisik ni tadi sotidak tidak eh bawa cincin... menandakan yang si pihak lelaki ni tadi dan merisik anak kito ni tadi.

[Buapak mesti hadir, begitu juga dengan pakcik-pakcik, dalam satu upacara untuk menyambut merisik tersebut. Dalam adat merisik ini, sekurang-kurangnya pihak lelaki akan membawa cincin sebagai tanda bahawa mereka sedang merisik anak kita] (Informan 1, Temu Bual, 14 September 2024).

Adat merisik merupakan satu proses yang penting bagi mengenal pihak lelaki. Dalam adat perpatih, eksogami adalah dituntut dan perkahwinan antara sama suku adalah dilarang. Adat merisik membolehkan kedua belah pihak menilai pasangan masing-masing dari segi akhlak, kepimpinan, paras rupa. Selain itu, cincin merisik serta buah tangan seperti buah-buahan atau makanan tradisional turut dibawa sebagai tanda budi bahasa. Perbincangan akan berlangsung semasa adat merisik dan kedua-

dua pihak akan menetapkan tarikh pertunangan jika bersetuju (Ibrahim, 1993).

4.5.2 Adat Bertunang

Adat bertunang merupakan proses yang berlaku setelah kedua belah pihak bersetuju bahawa anak mereka ditunangkan (Saludin et al., 2022). Fasa pertunangan adalah langkah di mana keluarga kedua-dua pihak berbincang mengenai tarikh perkahwinan, perbelanjaan, dan sumbangan kewangan. Menurut Informan 1, "*Lopeh upacara tunang tu dio akan tetapkan tarikh perkahwinan tu dia tu bilo... duit kahwin tu nak bagi bilo, sobolun nikah ko sobolan sobolun nikah ko nak bagi haaa.*" [Selepas upacara pertunangan, mereka akan menetapkan tarikh perkahwinan, dan bila untuk bagi duit perkahwinan sama ada sebulan sebelum pernikahan atau sebelum nikah] (Informan 1, Temu Bual, 14 September 2024)

Dalam fasa ini, ahli keluarga dan pemimpin adat seperti Buapak memainkan peranan penting untuk memastikan keputusan dibuat secara adil dan mengikut adat. Penekanan terhadap kerjasama dan saling menghormati dalam perbincangan melambangkan prinsip muafakat masyarakat adat perpatih (Maamor dan Taif., 2024). Sepanjang proses pertunangan, terdapat pelbagai jenis pantang larang yang perlu dipatuhi oleh kedua-dua pasangan sebagai contoh tidak boleh keluar rumah, perlu menjaga perangai dan sebagainya. Terdapat juga terma seperti "darah manis" bagi orang perempuan supaya menjaga perangai dan perilaku mereka.

4.5.3 Berkampung

Persiapan berkampung melibatkan gotong-royong antara ahli keluarga dan masyarakat setempat untuk menyediakan rumah dan kawasan bagi majlis perkahwinan. Budaya material seperti tabir langit, tilam pandak, dan tikar rompok digunakan untuk melengkapkan upacara perkahwinan. Proses berkampung juga dikenali sebagai hari "ngombang cincin", di mana pada hari tersebut setiap persiapan perkahwinan dilakukan oleh pihak yang menjalankan majlis. Informan 6 menyatakan "...dia akan adakan hari berkampung, kalau orang kampung panggil hari ngombang cincin..." (Informan 6, Temu Bual, 30 September 2024). Namun terdapat

percanggahan pendapat melalui pengertian hari “ngombang cincin”. Menurut Idris dan Ibrahim. (1994) hari mengembangkan cincin adalah hari di mana pihak perempuan menerima cincin tanya atau cincin risik. Perbincangan oleh Buapak, dan ahli keluarga akan berlangsung pada hari tersebut bagi memastikan pilihan pasangan tepat berdasarkan ciri harta, akhlak, rupa, kepimpinan dan sebagainya.

Proses berkampung meliputi pelbagai jenis aktiviti persiapan majlis perkahwinan. Tugas semasa aktiviti berkampung dibahagikan mengikut jantina iaitu tugas lelaki dan tugas perempuan. Tugas berat kebiasaannya dilakukan oleh lelaki manakala tugas ringan dan kerja dapur dilakukan oleh orang perempuan. Hal ini disokong oleh Informan 7 yang menyatakan bahawa “*Orang lelaki pi cari buluh pi cari kayu orang perempuan pilih boreh robuih tolol*” [orang lelaki pergi mencari buluh dan kayu api, orang perempuan pilih beras, rebus telur] (Informan 7, Temu Bual, 30 September, 2024).

4.5.4 Malam Berinai

Malam berinai merupakan malam sebelum majlis perkahwinan atau hari langsung. Erwany et al. (2016) berpendapat bahawa malam berinai merupakan satu tanda bahawa pasangan pengantin akan memulakan hidup baharu serta direstui oleh ahli keluarga. Selain itu, Ibrahim (1993) pula menyatakan bahawa malam berinai bukan sekadar acara menghias, tetapi juga simbolik kepada permulaan kehidupan baharu sebagai seorang isteri. Menurut Nasution et al. (2016) malam berinai merupakan satu majlis menghias pengantin perempuan dengan memakaikan inai di bahagian tertentu badan pengantin perempuan. Antara anggota badan yang kebiasaannya dipakaikan inai adalah tangan dan kaki.

4.5.5 Perkahwinan

Hari langsung adalah kemuncak proses perkahwinan. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, pasangan pengantin akan diraikan dalam majlis penuh adat istiadat. Kehadiran Buapak, Ibu Soko, dan Lembaga adat adalah wajib sebagai saksi rasmi kepada perkahwinan tersebut. Menurut Informan 1 “...*Yang beradat ni kan*

sekarang ni nak panggil Buapak, nak panggil Dato Lembaga, semuo Dato kono panggil hadir..." [yang beradat ini sekarang perlu memanggil Buapak, Dato Lembaga, semua jenis orang besar perlu dijemput hadir] (Informan 1, Temu Bual, 14 September 2024). Kedua-dua pasangan akan disatukan melalui cara Islam. Saludin et al. (2022) menyatakan bahawa proses perkahwinan meliputi empat tahap, iaitu bernikah, membatalkan air sembahyang, bersanding dan adab menziarahi ahli keluarga.

Bernikah merupakan perkara yang penting dalam upacara perkahwinan. Pada bahagian ini pasangan akan melalui proses "ijab kabul". Proses ijab kabul adalah merupakan salah satu daripada rukun nikah. Pada fasa ini, ahli keluarga serta ketua adat akan menyaksikan pasangan dinikahkan.

Seterusnya, adat membatalkan air sembahyang merujuk kepada proses menyarungkan cincin ke tangan pengantin perempuan (Saludin, et al. 2022). Upacara menyarungkan cincin kebiasaannya dilakukan di kamar pengantin perempuan yang disaksikan oleh ibu bapa pengantin. Pengantin lelaki akan menyarungkan cincin ke jari manis pengantin perempuan dan upacara ini akan diakhiri dengan bersalaman antara kedua mempelai.

Setelah selesai upacara membatalkan air sembahyang, pasangan pengantin akan bersanding di atas pelamin dan upacara merenjis tepung tawar akan berlangsung. Semasa proses berlangsung, pasangan akan direnjis dengan tepung tawar oleh ahli keluarga terdekat dan kenalan. Menurut Saludin et al. (2022) upacara merenjis tepung tawar adalah tanda atau simbol bahawa ahli keluarga dan kenalan merestui perkahwinan tersebut.

Seterusnya, upacara makan beradat merupakan salah satu upacara penting pada hari langsung. Hal ini kerana, pasangan pengantin akan dipersembahkan kepada masyarakat dan makan di tempat yang di khaskan. Kebiasaannya pengantin akan ditemani dengan ahli keluarga sama ada ibu bapa ataupun adik beradik.

Hari langsung memaparkan pelbagai jenis budaya material adat perpatih antaranya adalah tepak sirih, bujam epok, semerit, merewa, tilam pandak, tikar

rompok dan sebagainya. Hari perkahwinan merupakan satu peristiwa penting dalam budaya masyarakat adat perpatih bagi menunjukkan konsep nilai hormat-menghormati, gotong-royong dan budi bahasa. Keberlangsungan hari perkahwinan menandakan bahawa nilai yang diterapkan oleh adat perpatih kepada masyarakat seperti musyawarah, konsep budi berjaya dilaksanakan.

4.5.6 Adat menyembah dan menyalang

Upacara menyembah dan menyalang merupakan proses terakhir dalam adat istiadat perkahwinan mengikut adat perpatih. Upacara menyembah dan menyalang merujuk kepada aktiviti yang dijalankan selepas hari langsung. Pasangan pengantin akan menziarahi ahli keluarga kedua belah pihak. Informan 2 menyatakan “*Orang lelaki ko perempuan lopehtu perempuan ko lelaki, tu menyalang lah...*” [Orang lelaki ke perempuan, lepastu orang perempuan ke lelaki, tu menyalang lah] (Informan 2, Temu Bual, 14 September 2024). Pengertian adat menyalang dan menyembah mempunyai percanggahan pendapat daripada Informan. Menurut Informan 4 “*...Dah selesai dan langsung belah perempuan tu setelah seminggu baru ke rumah paklong. Tu yang panggil menyalang tu. Yang menyalang rumah lelaki bilo pulak...*” [Dah selesai dan berlangsung hari perkahwinan sebelah perempuan tu, setelah seminggu baru ke rumah paklong (lelaki). Tu yang dipanggil menyalang. Yang menyalang rumah lelaki bila pula] (Informan 4, Temu Bual, 24 September 2024). Oleh itu, adat menyembah dan menyalang boleh ditakrifkan sebagai adat menziarah. Namun apabila pihak lelaki menziarahi rumah pihak perempuan ianya dipanggil menyalang manakala apabila pihak perempuan menziarahi rumah pihak lelaki ianya dipanggil menyembah. Hal ini dijelaskan dengan dengan pernyataan dari Informan 6, di mana “*Tak lopeh kahwin, kito pi nyombah lah...Orang lelaki pi rumah perempuan. Menyalang*” [Tak, lepas kahwin kita pergi menyembah lah... Orang lelaki pergi rumah perempuan. Menyalang] (Informan 6, temu Bual, 30 September 2024).

Adat menyembah dan menyalang merupakan salah satu adat yang penting dalam upacara perkahwinan adat perpatih. Terdapat beberapa budaya material yang penting dalam adat ini iaitu boko. Boko merupakan buah tangan yang dibawa oleh pengantin semasa proses adat ini berlangsung.

4.6 Material Budaya dalam Perkahwinan Adat Perpatih

Terdapat 12 budaya material adat perpatih yang telah dikenal pasti dalam upacara perkahwinan adat perpatih. Budaya material dalam upacara perkahwinan adat adalah seperti berikut:

Jadual 4.1: Budaya Material Adat Perpatih dalam Upacara Perkahwinan Adat
(Sumber: Kajian Lapangan 2024)

No.	Material budaya	Kegunaan
1	Bujam Epok	Adat menjemput Adat Bertunang Hari Perkahwinan
2	Lelangit	Adat Bertunang Hari Perkahwinan
3	Tabir Lingkungan	Adat Bertunang Perkahwinan
4	Tepak sirih	Adat Menjemput
5	Nasi panco	Adat Bertunang Hari Perkahwinan
6	Boko	Adat Bertunang Hari Perkahwinan Adat menyalang Adat Menyembah
7	Tilam pandak	Adat Bertunang Hari perkahwinan
8	Tikar rompok	Adat Bertunang Hari Perkahwinan
9	Tetapak	Hari Perkahwinan Adat Menyalang

		Adat Menyembah
10	Merewa	Hari Perkahwinan
11	Semerit	Adat Bertunang Hari Perkahwinan
12	Cincin	Adat Merisik Adat Bertunang Hari Perkahwinan

a. Bujam epok



Rajah 4.1: Bujam epok

(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

Rajah 4.1 menunjukkan budaya material adat perpatih iaitu bujam. Bujam merupakan satu set bekas yang menyimpan alat-alat menyirih. Terdapat tiga jenis bujam yang digunakan pada upacara dan majlis tertentu iaitu bujam, bujam epok dan bujam epok bertindan. Kesemua bujam ini masih mempunyai fungsi yang sama iaitu dalam proses menjemput atau menziarahi ahli keluarga namun disesuaikan dengan tujuan, adat dan upacara tertentu (Ibrahim, 2007). Terdapat beberapa pengisian dalam bujam antaranya adalah kapur, sirih, pinang, gambir dan tembakau. Menurut Informan 1 “...Pengisian dalam dio tu macam sampul surat laaa. Pengisian dalam dio apo, haaaa daun sireh pinang gambir” [pengisian dalam bujam tu macam sampul surat. Pengisian dalam dia apa Daun sireh, pinang dan gambir] (Informan 1, Temu Bual, 14 September 2024). Berbeza pula dengan kenyataan Informan 7 di mana “...Dia ada limo barang dalam eh lima set bekas. Bekas apa kapur, gambir, haa sireh, pinang satu lagi tembakau dengan delima. Kadang tu orang letak ni bunga cengkih. Tu

jarang la orang letak” [Dia ada lima barang dalam tu, lima set bekas. Bekas apa? Kapur, gambir, haa sireh, pinang, satu lagi tembakau dengan delima. Kadang-kadang orang letak bunga cengkih. Tapi tu jaranglah orang letak] (Informan 7, Temu Bual, 30 September 2024). Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Muzium Negeri Sembilan, bujam diperbuat daripada anyaman mengkuang atau pandan. Semasa proses menjemput bagi hari perkahwinan, bujam yang digunapakai adalah bujam epok. Perbezaan bujam biasa dan bujam epok adalah dari segi hiasan di bucu bujam di mana terdapat rambu.

Bujam digunakan semasa proses menjemput ahli keluarga dan ketua adat untuk hadir ke majlis perkahwinan atau hari olek perkahwinan. Dalam adat istiadat menjemput, pihak yang ingin menjemput perlu menyediakan bujam untuk diberikan kepada individu yang ingin dijemput. Menurut Informan 6, “...*bujam ini sebagai tanda tuan rumah menerima kedatangan kita*” (Informan 6, Temu Bual, 30 September 2024). Bujam akan dibuka dan dijamu oleh tuan rumah sebelum memulakan perbincangan.

Bujam merupakan satu set bekas yang mempunyai pengisiannya yang tersendiri. Bujam epok yang digunakan semasa proses menjemput untuk majlis perkahwinan merupakan satu konsep budi bahasa dan hormat menghormati antara masyarakat. Selain daripada konsep budi, bujam ini dianggap sebagai pembuka kata bagi kedua-dua pihak sebelum membicarakan tujuan kedatangannya. Menurut Informan 1:

Kalau macam bujam epok tu budi bahaso kito nak poie jumpo sesoorang tu budi bahasa orang dulu dulu apo bondo nak dibawak. Nak buka cerito, haa dio ni nak bukak cerito kito datang ni ni haa bujam epok nia yang dibawa tadi haa ...

[“Kalau macam bujam epok tu, ia adalah simbol budi bahasa kita bila nak pergi jumpa seseorang. Budi bahasa orang dulu-dulu, apa yang nak dibawa bila bertamu. Nak memulakan bicara, haa dia ni nak buka cerita, kita datang ni bawa bujam epok ni haa.”] (Informan 1, Temu Bual, 14 September 2024).

b. Lelangit



Rajah 4.2: Lelangit

(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

Rajah 4.2 menunjukkan budaya material adat perpatih iaitu lelangit. Lelangit atau tabir lelangit merupakan satu set kelengkapan adat yang dipasang di bahagian atas rumah atau siling (Ibrahim, 2007). Kebiasaannya tabir lelangit ini dipasang di kawasan anjung rumah di mana kawasan ketua adat serta ahli keluarga berbincang. Informan 6 menyatakan bahawa, “Kalau untuk tabir lingkungan dengan lelangit ni dia tu adalah satu set peralatan untuk tempat duduk dato lembaga pada satu satu majlis” (Informan 6, Temu Bual, 30 September 2024). Seterusnya, menurut Mohd Salleh (2017) adat perpatih mempunyai nilai hormat yang tinggi kepada pemimpin. Pemasangan lelangit ini adalah untuk menunjukkan keistimewaan pemimpin adat semasa melakukan perbincangan atau menjamu selera. Berdaasarkan maklumat yang diperolehi daripada Muzium Negeri Sembilan, lelangit ini diperbuat daripada kain perca yang berukuran lebih kurang dalam tiga meter atau mengikut kesesuaian rumah.

Lelangit dipasang dengan bertujuan untuk menghormati pemimpin adat. Seperti yang dinyatakan oleh Informan 6 “...sebab dia adalah untuk menghormati Dato Lembaga bagi sesuatu suku” (Informan 6, Temu Bual, 30 September 2024). Selain itu, lelangit dipasang untuk melindungi kawasan pemimpin adat daripada terkena najis binatang seperti najis cicak atau habuk. Pemasangan lelangit merupakan salah satu daripada peraturan adat. Mohamed Ibrahim (1968) menyatakan bahawa atur cara majlis atau adat istiadat perlu dituruti supaya tidak berlaku cacat cela. Jika tuan rumah tidak memasang set kelengkapan adat seperti lelangit akan terjadi cacat cela pada majlis dan masyarakat menganggap bahawa tuan rumah tidak menghormati adat serta pemimpin adat. Set kelengkapan adat terutama lelangit ini sudah menjadi sebahagian daripada budaya masyarakat Negeri Sembilan. Seperti yang dinyatakan

oleh Informan 1:

Lelangit ni supaya kato orang dulu ceritolah kot ado cicak ko apo ko takdo la kono kito dio punyo tu do haaa haa dio punyo tu do tapi kito ghumah kampong caro macamtu dah jadi macam budaya la kito kan untuk nak jadikan tu

[Lelangit ni supaya, kata orang dulu, untuk elak cicak ke apa ke, tak adalah terkena kita. Itu cara dia lah, itu cara dia. Tapi bagi kita, rumah kampung cara macam tu dah jadi macam budaya kita, kan] (Informan 1, Temu Bual, 14 September 2024).

c. Tabir Lingkungan



Rajah 4.3: Tabir lingkungan
(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

Rajah 4.3 menunjukkan budaya material adat perpatih iaitu tabir lingkungan. Tabir lingkungan merupakan salah satu daripada set kelengkapan adat atau alat kebesaran adat perpatih yang digunakan secara meluas di Negeri Sembilan dan sebahagian daripada Melaka iaitu daerah Naning. Tabir lingkungan diperbuat daripada material yang sama dengan lelangit iaitu kain perca, namun ada juga yang menggunakan kain batik sebagai tabir lingkungan (Ibrahim, 2007). Panjang kain yang digunakan kira-kira dalam lingkungan tiga meter mengikut kesesuaian rumah yang hendak dipasang sama seperti lelangit, tabir lingkungan adalah satu set kelengkapan yang dipasang bertujuan menghormati pemimpin adat seperti Buapak, Dato Lembaga

dan sebagainya. Kebiasaannya tabir lingkungan akan hadir bersama lelangit. Kedua alatan adat ini akan dipasang bersama menandakan bahawa kawasan itu adalah kawasan pemimpin adat atau ketua. Dalam konteks perkahwinan, kawasan yang dipasang dengan set kelengkapan adat iaitu lelangit dan tabir lingkungan ini adalah kawasan yang berlakunya proses perbincangan bagi hal-hal penting dalam perkahwinan. Sebagai contoh tarikh perkahwinan, hantaran, dan sebagainya. Informan 7 menyatakan *“Kalau untuk tabir lingkungan dengan lelangit ni dia tu adalah satu set peralatan untuk tempat duduk dato lembaga pada satu satu majlis”* [“Kalau untuk tabir lingkungan dengan lelangit ni, ia merupakan satu set peralatan yang digunakan untuk tempat duduk Dato' Lembaga dalam sesuatu majlis] (Informan 7, Temu Bual, 30 September 2024).

Tabir lingkungan dipasang dibawah lelangit. Kebiasaannya dipasang di anjung rumah mengikut kesesuaian rumah. Selain daripada menghormati pemimpin adat, tabir lingkungan ini juga bertujuan untuk menjaga anak perempuan daripada dilihat orang luar. Menurut Informan 1, *“orang dulu dulu rumah eh rumah papan, laie satu laie papan dulu dulu takdo papan yang licin licin. Papan tu sumo eh yang kalau bosandar mencucuk bolakang kito ni kann. Haaa tu lah deh asal eh”* [Orang dulu-dulu rumah dia rumah papan. Lagi satu, papan dulu-dulu tak ada yang licin-licin. Papan tu semua jenis yang kalau kita bersandar, mencucuk belakang kita, kan. Itulah asalnya] (Informan 1, tembu Bual, 14 September 2024). Selain itu, tabir lingkungan pada asalnya dipasang adalah bertujuan untuk menjaga anak perempuan. Berdasarkan maklumat daripada Muzium Negeri Sembilan, tabir lingkungan merupakan simbol daripada pengorbanan anak saudara Tok Perpatih Nan Sebatang. Selain daripada pengorbanan tabir ini dianggap sebagai lambang hidup dalam lingkungan.

d. Tepak Sirih



Rajah 4.4: Tepak Sirih

(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

Rajah 4.4 menunjukkan budaya material adat perpatih iaitu tepak sirih di Muzium Adat Jelebu, Negeri Sembilan. Tepak sirih merupakan bekas peralatan menyirih yang digunakan dalam adat istiadat dan upacara tertentu. Tepak sirih lazimnya diisi dengan kapur, sirih, pinang, gambir dan tembakau. Menurut Perpustakaan Negara Malaysia (2001), terdapat cembul di dalam tepak sirih dan kesemua pengisiannya disusun mengikut peraturan orang terdahulu. Tepak sirih diperbuat daripada kayu segi empat yang bertutup. Terdapat tepak sirih yang disulam dengan benang emas sebagai perhiasan. Menurut Infoman 1:

Kalau tepak tu tadikan tepak yang ompek segi tuu pengisian eh samo tapi dalam eh tu bahagian bawah eh tu ado tompek laie tu itu nak kena tahu dalam bawah dia ni ada pengisian dia lagi, beras, gula garam kena masuk

[Kalau tepak yang empat segi tu, pengisian dia sama je, tapi kat bahagian bawah dia ada ruang lain. Kena tahu juga, sebab kat bawah tu ada isi tambahan macam beras, gula, dengan garam yang kena letak] (Informan 1, Temu Bual, 14 September 2024)

Dalam konteks adat perpatih, tepak sirih digunakan untuk menjemput pemimpin-pemimpin adat bagi majlis rasmi. Melalui maklumat yang diperolehi daripada Muzium Negeri Sembilan, tepak sirih digunakan oleh semua lapisan masyarakat di luak Rembau tetapi berbeza dengan luak lain di mana tepak sirih hanya digunakan untuk menjemput pemimpin adat. Informan 7 menunjukkan *“Tepak tu ni la dia. Guna dia sebagai menggantikan bujam sebab dalam adat perpatih tepak ni untuk penghulu setiap luak tu kan Negeri Sembilan tu ada 5 luak”* [Tepak ni lah dia. Digunakan sebagai ganti bujam sebab dalam Adat perpatih, tepak ni untuk penghulu setiap luak. Kan Negeri Sembilan tu ada 5 luak] (Informan 7, Temu Bual, 30 September 2024). Melalui pemerhatian pengkaji semasa temu bual bersama Informan 7, tepak sirih perlu dibalut dengan kain songket yang berwarna kuning jika tujuannya untuk menjemput pemimpin-pemimpin adat. Bersesuaian dengan perbilangan adat seperti:

*Makan sirih berpinang tidak,
Sirih dibawa dari Melaka
Makan sirih mengenyang tidak,
Sebagai tanda budi bahasa.*

Tepak sirih juga menjadi simbolik kepada sesebuah upacara dan adat istiadat. Tepak sirih bukan sahaja menjadi tanda budi bahasa tetapi menjadi sebahagian daripada cara hidup dan budaya masyarakat Melayu Negeri Sembilan. Pernyataan dari Informan 4 menunjukkan *“...Tepak sirih ini memang mukhadimah dio”* [...tepak sirih ini memang mukhadimah dia] (Informan 4, Temu Bual, 26 September 2024) Informan 4 menyatakan bahawa tepak sirih ini adalah sebagai pembuka kata. Informan 6 juga menegaskan bahawa *“...Merupakan sebagai pembuka kata dalam sesuatu majlis tersebut. Jadi sebelum kita pergi kepada subjek tu kita akan berbual sambil makan sireh”* [...Digunakan sebagai pembuka kata dalam sesuatu majlis. Jadi, sebelum kita masuk kepada subjek utama, kita akan berbual sambil makan sirih] (Informan 6, Temu Bual, 30 September 2024). Justeru, tepak sirih merupakan sebahagian daripada budaya yang menunjukkan budaya hormat menghormati serta nilai budi yang ada pada masyarakat Melayu Negeri Sembilan.

e. Nasi panco

Nasi panco merupakan salah satu budaya material adat perpatih yang digunakan semasa upacara perkahwinan dijalankan. Panco adalah bekas khas yang digunakan untuk mengisi nasi pulut kuning dalam upacara perkahwinan adat perpatih. Ia diperbuat daripada kayu berbentuk lapan bucu dengan bahagian tengahnya berlubang bulat berdiameter kira-kira 40 cm dan ketinggian sekitar 8 cm (Ibrahim, 2007). Nasi panco diisi dengan pulut kuning yang dimasukkan ke dalam panco. Nasi panco juga dikenali sebagai bunga paha di mana terdapat hiasan bunga telur di atas nasi panco seperti yang dinyatakan oleh informan1 “...nasi panco dio wajib ha iyolah dia dihiasi dengan batang bungo tolur. Haaa cucuk tolur tu kan. Kito panggil bungo paha haa kito tukar bungo paha” [nasi panco itu wajib, ya, dia dihiasi dengan batang bunga telur. Haaa, cucuk telur tu kan. Kita panggil bunga paha, haa kita tukar bunga paha] (Informan 1, Temu Bual, 14 September 2024). Selain itu, menurut Informan 3, “...Panco maknanya bekas khas untuk mengisi nasi pulut...” (Informan 3, Temu Bual, 25 September 2024).

Panco digunakan khusus pada hari perkahwinan sebagai simbol penghormatan antara keluarga pengantin. Ia melambangkan hubungan antara kedua-dua belah pihak dan penghargaan serta adat dalam masyarakat adat perpatih. Panco menjadi sebahagian daripada tanda budi dan penghormatan terhadap pihak yang menerima panco tersebut. Menurut Informan 1 “...itu budi bahasi kito haa ado yang buek ado yang tak buek haaa” [itu budi bahasa kita, ada yang buat, ada yang tak buat] (Informan 1, Temu Bual, 14 September 2024).

Penggunaan nasi panco dalam upacara perkahwinan adat perpatih menunjukkan kepentingan adat ini dalam menjaga ikatan kekeluargaan serta memastikan kesinambungan tradisi masyarakat Negeri Sembilan.

f. Boko



Rajah 4.5: Boko

(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

Rajah 4.5 menunjukkan budaya material adat perpatih iaitu boko yang merupakan budaya material yang digunakan semasa upacara pertunangan, perkahwinan, dan adat menyalang. Boko diperbuat daripada anyaman mengkuang sehingga menjadi bekas yang boleh menyimpan makanan seperti wajik dan penganan (Ibrahim, 2007). Pengertian boko pada asalnya adalah buah tangan, tetapi dalam istilah adatnya buah tangan dipanggil sebagai boko. Sesuai dengan pernyataan Informan 7 di mana “*Dalam istilah adat buah tangan ni dipanggil boko Apabila kita nak pergi rumah pak sedaro ni ko buah tangan lah tapi dari bahaso adat eh dipanggil boko*” [Dalam istilah adat, buah tangan ini dipanggil boko. Apabila kita nak pergi ke rumah pak saudara, itu disebut buah tangan, tetapi dalam bahasa adat ia dipanggil boko] (Informan 7, Temu Bual, 30 September 2024). Pengisian boko terdiri daripada penganan dan wajik yang merupakan makanan tradisional Negeri Sembilan. Menurut Informan 2 “*...kalau sesama nismilan ni ado la mengacau penganan wajid nak buat boko menjelang ko rumah lelaki haa...*” [Kalau sesama di Negeri Sembilan, biasanya ada yang membuat penganan wajik untuk digunakan semasa menjelang ke rumah lelaki] (Informan 2, Temu Bual, September 2024). Seterusnya menurut Informan 4:

...Selalu dia buek wajik atau penganan lepastu dio buek la dio survey kalau bolah laki ni berapa orang sedaro dio. Dio nak kita ziarah la lepas nikah tu. ... Rumah yang kito pi ziarah tu nanti ha bawak la boko tu

[...Selalu dia buat wajik atau penganan, lepas tu dia buatlah tinjauan, kalau boleh tahu lelaki ni ada berapa orang saudara dia. Dia nak kita ziarah lepas nikah tu. ... Rumah yang kita pergi ziarah tu nanti, ha bawalah bekas (boko) tu.] (Informan 4, Temu Bual, 26 September 2024).

Boko merupakan satu budaya material yang penting dalam upacara perkahwinan dalam adat perpatih. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, boko merupakan simbol budi bahasa dan tanda hormat kepada tuan rumah serta ahli keluarga. Pernyataan dari Informan 1 menunjukkan boko sebagai: “...itu budi bahaso kito tuan rumah sama ado kito nak pi menjalang hantar anak kito ke rumah lelaki haa itu budi bahaso kito bawaklah wajib ko penganan ko lah kan” [Itu adalah budi bahasa kita sebagai tuan rumah, sama ada kita nak pergi menjalang hantar anak kita ke rumah lelaki. Ha, itu budi bahasa kita, bawalah wajik atau penganan, kan] (Informan 1, Temu Bual, 14 September 2024). Kegunaan boko adalah pada adat menyalang. Terdapat percanggahan pendapat daripada Informan tentang kegunaan boko. Sesetengah informan berpendapat bahawa boko digunakan semasa adat menyalang manakala ada sebahagian lain mengatakan bahawa boko ini digunakan ketika adat menyembah.

g. Tilam pandak



Rajah 4.6: Tilam Pandak

(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

Rajah 4.6 menunjukkan budaya material adat perpatih iaitu tilam pandak. Tilam pandak merupakan salah satu budaya material yang digunakan semasa hari pertunangan dan hari perkahwinan. Tilam pandak diperbuat daripada tilam yang dijahit dengan kain batik lepas. Kedudukan tilam pandak terletak di kawasan tempat duduk pemimpin adat dan kawasan ijab dan qabul. Tilam pandak kemudiannya dibentangkan dengan tikar rompok di atasnya. Tilam pandak ini merupakan satu set kelengkapan tempat duduk ketua adat seperti Buapak, Dato Lembaga serta pengantin lelaki semasa proses ijab dan qabul. Menurut Informan 7 “...digunakan dalam masa umum majlis yang berkaitan dengan adanya jemputan dari Dato Dato Lembaga. sebab Dato Lembaga akan duduk atas ni...Dia dalam perkataan tilam pandak dan tikar rompok ni adalah tempat duduk Dato Lembaga”. [“Digunakan dalam majlis umum yang berkaitan dengan adanya jemputan dari Dato’-Dato’ Lembaga. Sebab Dato’ Lembaga akan duduk di tempat tersebut... Dalam istilah, tilam pandak dan tikar rompok ini merujuk kepada tempat duduk Dato’-Dato’ Lembaga] (Informan 7, Temu Bual, 30 September 2024).

Tilam pandak merupakan satu alat untuk membezakan taraf sosial antara pemimpin-pemimpin adat dengan masyarakat biasa. Hal ini dikatakan sedemikian kerana kawasan tempat duduk pemimpin adat ini ditinggikan sedikit bagi menampakkan keistimewaan kepada pemimpin adat. Namun, semasa upacara akad nikah berlangsung, pengantin lelaki juga dibolehkan untuk duduk di atas tilam pandak

ini. Namun, terdapat perbezaan pendapat dari Informan 1 dan 6 di mana Informan satu setuju bahawa pengantin lelaki boleh duduk di atas tilam pandak manakala Informan 6 sebaliknya. Pernyataan daripada Informan 6 yang mengatakan bahawa “...*Oh takdo akad nikah yo ado tapi itu yang apa tu mak andam kau mombori tu*” [Oh, tidak ada akad nikah, tetapi itu yang apa, mak andam kamu yang menguruskan itu] (Informan 6, Temu Bual, 30 September 2024).

h. Tikar rompok



Rajah 4.7: Tikar Rompok
(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

Rajah 4.7 merupakan salah satu budaya material adat perpatih yang digunakan semasa upacara perkahwinan adat berlangsung iaitu tikar rompok. Tikar rompok merupakan alas yang digunakan dalam upacara adat perkahwinan adat perpatih, dan ia dibuat daripada anyaman mengkuang atau pandan. Tikar ini mempunyai panjang enam kaki dan lebar dua kaki, dengan tepi yang dibalut menggunakan kain berwarna merah, hitam, dan kuning. Tikar rompok biasanya digunakan pada tilam pandak yang terdiri daripada tiga lapis untuk ketua adat seperti Dato Lembaga, dan selapis untuk pengantin serta ahli keluarga lainnya seperti buapak. Menurut Informan 6 “...tikar rompok ni adalah tempat duduk Dato Lembaga” (Informan 6, Temu Bual, 30 September 2024), manakala menurut Informan 2 “...*kalau tikar tu tompek duduk Buapak dengan Dato Lembago*” [kalau tikar itu tempat duduk buapak dengan Dato Lembaga] (Informan 2, Temu Bual, 14 September 2024). Selain itu, bahagian kepala dan bawah tikar dihias dengan motif yang dijahit menggunakan benang emas. Tikar rompok berfungsi sebagai tempat duduk untuk ketua adat dan pengantin dalam majlis dan melambangkan penghormatan serta peranan penting mereka dalam majlis.

Tikar rompok bukan sahaja berfungsi sebagai alas tempat duduk bagi ahli keluarga dan ketua adat tetapi menjadi salah satu budaya dan tradisi masyarakat adat perpatih dalam menghormati ahli keluarga serta pemimpin.

i. Tetapak

Tetapak merupakan salah satu budaya material yang digunakan semasa hari perkahwinan dan adat menyalang. Menurut Ibrahim (2007), tetapak merupakan objek atau alatan adat yang hampir sama dengan nasi panco. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, tetapak juga dikenali sebagai nasi kecil di mana saiz hidangannya tidak sebesar nasi panco. Tetapak kebiasaannya diisi dengan wajik dan penganan. Tetapak ini juga dihiasi dengan bunga telur dan digunakan semasa hari perkahwinan dan adat menyalang terutama bagi pihak perempuan yang menyalang ke rumah mentua.

j. Merewa



Rajah 4.8: Merewa (Bendera Adat)

(Sumber: Google Image)

Rajah 4.8 merupakan salah satu daripada budaya material yang digunakan semasa hari langsung atau hari perkahwinan adat perpatih. Merewa adalah bendera adat yang digunakan semasa hari olek atau upacara adat istiadat adat perpatih berlangsung. Terdapat tiga warna pada merewa iaitu kuning, merah dan hitam. Informan 3 menyatakan “...bendera merewa ni bendera adat dia lebih pada bendera adat” (Informan 3, Temu Bual, 25 September 2024). Merewa atau bendera adat ini juga dianggap sebagai alat kebesaran Dato Lembaga. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, pernyataan daripada Informan 2 yang mengatakan bahawa “... *Bendero Tok*

Lembaga semuo ado...Bendero Dato Lembaga orang panggil eh” [Bendera Tok Lembaga semua ada... Bendera Dato Lembaga orang panggil eh] (Informan 2, Temu Bual, 14 September 2024).

Merewa dipasang bertujuan untuk memberitahu bahawa terdapat upacara atau adat istiadat besar sedang berlangsung di sesebuah kawasan. Upacara seperti perkahwinan, hari pertabalan dan adat istiadat yang formal kebiasaannya memasang bendera atau merewa ini. Pernyataan dari Informan 4 menunjukkan “...*tujuan merewa ni adalah untuk memberitahu istiadat sedang berlangsung, kenapa kita pasang bendera tu nk bagitahu istiadat sedang berlangsung*” [tujuan memasang bendera ini adalah untuk memberitahu bahawa istiadat sedang berlangsung, sebab itulah kita pasang bendera untuk memberitahu bahawa istiadat sedang berlangsung] (Informan 3, temu Bual, 25 September 2024). Pemasangan merewaa terletak pada tuan rumah sama ada mahu pasang ataupun tidak. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, merewa bukan sahaja bertujuan untuk menandakan upacara adat sedang berlangsung malah berperanan sebagai hiasan dan aksesori pada majlis adat istiadat itu. Informan 6 menyatakan: “*Bergantung pada tuan rumah la. Kalau dia nak letak boleh je kalau taknak takya letak... Takpo semuo boleh pakai. Itu aksesori la tando olek adat berlaku*” [Bergantung pada tuan rumah lah. Kalau dia nak letak, boleh je, kalau tak nak, tak perlu letak...Tak apa, semua boleh pakai. Itu aksesori lah tanda oleh adat berlaku] (Informan 6, Temu Bual, 30 September 2024).

k. Semerit



Rajah 4.9: Semerit

(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

Rajah 4.9 merupakan budaya material adat perpatih yang digunakan semasa upacara perkahwinan adat iaitu semerit. Semerit merupakan salah satu budaya material adat perpatih yang digunakan semasa proses perkahwinan di mana jika Dato Lembaga terlibat dalam proses perkahwinan tersebut. Semerit atau dulang berkaki tiga merupakan alatan kebesaran Dato Lembaga. Hal ini kerana semerit merupakan alas untuk tempat makan Dato Lembaga. Informan 7 menyatakan bahawa, "...kita letak pinggan makan dia atas semerit tu" (Informan 7, Temu Bual, 30 September 2024). Nilai menghormati pemimpin teguh dalam masyarakat adat perpatih. Ketua adat kebiasaanya diberikan layanan yang istimewa daripada masyarakat adat. Hal ini menunjukkan heirarki pemimpin adat itu disanjung oleh masyarakat adat. Pernyataan daripada Informan 5 "*Takde dia special tau. Kita kat luar tapi dia kat dalam. Pastu erm berdulang bertutup tudung saji. Dia khas, tudung saji lepas tu ada pulak lapik dia khas untuk diorang je...*" [Tak, dia memang istimewa. Kita di luar, tapi mereka di dalam. Lepas itu, erm, berdulang bertutup tudung saji. Itu khas, tudung saji, lepas itu ada pula lapik khas untuk mereka sahaja...] (Informan 5, Temu Bual, 26 September 2024).

Semerit memainkan peranan penting dalam menunjukkan perbezaan taraf sosial antara masyarakat dengan pemimpin. Kegunaan semerit bertujuan supaya Dato Lembaga tidak menunduk ketika menjamu selera. Hal ini kerana, Dato Lembaga duduk di atas tilam pandak yang tinggi berbanding dengan masyarakat adat yang

hanya beralaskan tikar rompok. Simbolik bagi budaya material semerit adalah bertujuan supaya membezakan dan menghormati pemimpin adat dalam upacara atau majlis. Informan 6 turut menambah dengan menyatakan:

Dan dalam maso yang samo itu simbolik bagaimano orang menghormati tu tu dia buatkan tikar ni dia buat tinggi. Secara automatik dia nampak la seorang pemimpin tu. Macam orang biasa kita makan atas lantai je tapi pemimpin atas dulang

[Dan dalam masa yang sama itu, simboliknya adalah bagaimana orang menghormati, jadi dia buatkan tikar ni tinggi. Secara automatik, ia nampak lah seorang pemimpin itu. Macam orang biasa, kita makan atas lantai je, tapi pemimpin makan atas dulang] (Informan 6, Temu Bual, 30 September 2024).

I. Cincin

Dalam konteks adat perpatih, cincin memainkan peranan penting dalam upacara adat istiadat perkahwinan. Hal ini kerana cincin merupakan tanda dan simbol bagi pasangan yang telah berkahwin. Terdapat tiga jenis cincin yang digunakan semasa upacara perkahwinan adat perpatih iaitu cincin tanya, cincin tunang dan cincin kahwin. Pernyataan ini disokong oleh Informan 7 di mana "...lepas merisik hantar cincin tanya lepastu cincin tunang lepastu cincin perkahwinan" (Informan 7, Temu Bual, 30 September 2024). Perbilangan adat turut menyebut:

Sebentuk cincin tanda muafakat

Dua bentuk cincin tanda berkat

Cincin tanya digunakan pada adat risik duai. Menurut Ibrahim (1988), risik duai merupakan satu proses rundingan antara dua belah pihak untuk merisik pihak perempuan. Sekiranya pihak perempuan bersetuju, langkah menghantar cincin tanya akan dilakukan. Proses menerima cincin tanya mengambil masa selama tiga hari. Jika pihak perempuan tidak menerima lamaran, cincin tersebut hendaklah dipulangkan dalam masa tiga hari (Mohamed Ibrahim, 1968). Cincin tanya kebiasaannya

diletakkan dalam bekas yang dipanggil cembol untuk diserahkan kepada pihak perempuan (Idris dan Ibrahim 1994). Informan 1 menyatakan bahawa:

...Yang merisik ni tadi sotidak tidak eh bawa cincin haaaa. Cincin merisik cincin botanyo kato orang cincin risik ngan cincin tanyo tu samo. Dio akan membawa cincin lah menandakan yang si bolah pihak lelaki ni tadi dan merisik anak kito ni tadi ha ni la deh cincin eh...

[Semasa merisik tadi, paling tidak mesti bawa cincin. Cincin merisik, yang orang kata juga cincin bertanya, adalah sama. Pihak lelaki akan membawa cincin itu sebagai tanda bahawa mereka datang untuk merisik anak kita. Itulah kegunaan cincin tersebut] (Informan 1, Temu Bual, 14 September 2024).

Cincin tunang pula digunakan dalam upacara pertunangan. Pada upacara ini, cincin tunang diserahkan kepada pihak perempuan sebagai tanda ikatan pertunangan. Menurut Saludin et al. (2022), cincin adalah tanda bukan lisan bagi pengertian bahawa gadis menerima pertunangan. Cincin kahwin pula merupakan satu simbolik penting dalam adat membatalkan air sembahyang. Cincin kahwin digunakan dalam adat membatalkan air sembahyang di mana pengantin lelaki menyarungkan cincin ke jari manis pengantin perempuan (Saludin et al., 2022). Cincin kahwin merupakan simbolik ketaatan dan kehidupan bersama.

Kajian mengaplikasikan teori interaksi simbolik yang dipelopori oleh George Herbet Mead dan Herbert Blumer. Teori interaksi simbolik memainkan peranan penting dalam membantu pengkaji menilai makna, simbol dan kepentingan disebalik objek atau budaya material adat perpatih yang digunakan dalam upacara perkahwinan adat di Negeri Sembilan. Penggunaan teori ini membantu pengkaji dalam mencapai objektif dan tujuan kajian ini dijalankan.

4.7 Pelestarian Adat Perpatih

Adat perpatih merupakan salah satu daripada warisan tidak ketara yang telah diiktiraf oleh Akta Warisan Kebangsaan pada tahun 2012 (Radzuan, 2021). Warisan tidak ketara perlu dijaga untuk generasi akan datang. Oleh itu, pelestarian adat perpatih bukan sahaja memastikan kelangsungan tradisi ini, tetapi juga menjadi sebahagian daripada usaha untuk mengekalkan identiti masyarakat adat di Negeri Sembilan. Oleh itu, peranan pelbagai pihak seperti masyarakat, kerajaan, dan badan bukan kerajaan adalah penting dalam memastikan adat perpatih terus relevan dan diamalkan oleh generasi akan datang.

4.7.1 Masyarakat

Masyarakat memainkan peranan penting dalam pelestarian ilmu adat perpatih yang diamalkan oleh masyarakat adat di Negeri Sembilan dan sebahagian daripada Melaka. Adat perpatih merupakan tradisi yang diturunkan secara lisan kepada generasi akan datang. Kebiasaannya, ilmu tentang adat perpatih diturunkan secara mulut ke mulut dalam erti kata lain pembelajaran tidak formal. Sesuai dengan pernyataan daripada Informan 2 di mana, “...*tidakla adat ni kito nak tahu sikit sayang la tak amik tahu. Tu la deh. Ajar la sikit kalau dio maun...*” [adat ni kita nak la thu sedikit, sayang kalau tidak amik tahu. Ajar la sikit kalau dia mahu tahu] (Informan 2, Temu Bual, September 2024). Pernyataan ini menunjukkan bahawa, pelestarian ilmu tentang adat perpatih masih ada walaupun mengikut minat individu.

Seterusnya, pelestarian ilmu tentang adat perpatih dahulunya dilakukan secara pemerhatian semasa upacara adat sedang berlangsung. Informan 4 menyatakan bahawa “*mulut ke mulut...Dia upacara tu dia join tu yang dio copek tangkap tu. Macam kito ni kang bilo dah tengok orang tapi share dari situ lah dengar cerito orang tua...*” [mulut ke mulut... Dia bila upacara adat istiadat berlangsung dekat situ dia belajar, macam kita bila kita tengok lepastu kita dengar cerita orang tua] (Informan 4, temu Bual, 24 September 2024). Oleh hal yang demikian jelaslah bahawa, ilmu yang disampaikan mengenai adat perpatih kebanyakannya melalui pembelajaran tidak formal.

Selain itu, masyarakat memainkan peranan dalam menghadiri dan menyokong program dan bengkel yang diadakan oleh pihak-pihak tertentu. Informan 3 menyatakan bahawa, masyarakat adat perpatih mengikut luak terlibat dalam aktiviti memperkasakan adat perpatih di luak masing masing.

4.7.2 Kerajaan

Kerajaan merupakan salah satu badan yang bertanggungjawab dalam memastikan proses pelastarian adat perpatih ini berjalan dengan berkesan. Kerajaan negeri Melaka menjalankan kajian menyeluruh tentang adat perpatih bagi memastikan adat tersebut dapat dipelihara agar warisnya dapat mengamalkan adat perpatih (Bernama, 2023). Kajian menyeluruh tentang adat perpatih merangkumi pembukaan balai adat perpatih sebagai pusat rujukan tentang adat perpatih. Selain itu menurut Informan 6 “...Tentang peralatan adat ni ada. Kalau Lembaga Muzium Negeri Sembilan memang ada menerbitkan buku tentang peralatan peralatan adat ini” (Informan 6, Temu Bual, 30 September 2024).

Selain daripada membuat kajian, pihak kerajaan juga menyediakan dana serta bantuan kewangan dalam proses pelestarian adat perpatih. Informan 2 menyatakan “...tapi kalau Lembaga ado dapat elaun, kalau buapak takdo” [Tapi kalau Dato Lembaga ada dapat elaun, kalau buapak tiada] (Informan 2, Temu Bual, 14 September 2024). Seterusnya, Informan 3 juga menyatakan bahawa “*Dalam memperkasakan adat perpatih di Negeri Sembilan ni lah. Yang bagi tu kerajaan Negeri*” [Dalam memperkasakan adat perpatih di Negeri Sembilan, Yang bagi kerajaan Negeri] (Informan 3, Temu Bual, 24 September 2024). Selain itu, Informan 6 juga turut menambah “...dana memperkasakan adat perpatih. kerajaan Negeri Sembilan Ada memberikan peruntukan untuk membeli dan menjaga peralatan-peralatan adat.” (Informan 6, Temu Bual, 30 September 2024). Oleh hal yang demikian jelaslah bahawa, pihak kerajaan memainkan peranan penting dalam menyuntik dana dalam pelestarian adat perpatih di Negeri Sembilan.

Di samping itu, kerajaan turut mengadakan pelbagai program, festival, dan bengkel berkaitan adat perpatih. Program-program ini merangkumi aspek seperti memperkenalkan makanan tradisional, penggunaan peralatan adat dalam upacara istiadat, dan aktiviti pendidikan kebudayaan. Menurut Informan 3: *"...usaha tu antaranya kita mengadakan program aktiviti lah. Program aktiviti berdasarkan kepada empat teras utama iaitu persepadanan, kepimpinan, kita ada olek kita ada keilmuan haaa. Ni dijalankan oleh luak-luak..."* [Usaha tersebut termasuk mengadakan program aktiviti seperti persepadanan, kepimpinan, olek, dan keilmuan. Program ini dijalankan oleh luak-luak] (Informan 3, Temu Bual, 24 September 2024). Tambahan pula, Kerajaan Negeri Sembilan melalui Lembaga Muzium Negeri Sembilan menganjurkan program 'Memperkasa Adat Perpatih', termasuk memperkenalkan penggunaan peralatan adat dalam kehidupan seharian. Informan 6 menyatakan: *"...Dia ada program memperkenalkan peralatan adat. Bagaimana nak menggunakan peralatan adat kegunaan..."* (Informan 6, Temu Bual, 30 September 2024).

4.7.3 Badan Bukan Kerajaan/ NGO

Pihak badan bukan kerajaan (NGO) memainkan peranan penting dalam pelestarian ilmu mengenai adat perpatih, khususnya dalam usaha untuk memastikan warisan budaya ini terus dihargai dan dipelihara dalam masyarakat. Usaha ini dapat dilihat melalui peranan NGO sebagai penghubung antara masyarakat tempatan dan pihak kerajaan. Dalam hal ini, NGO tidak hanya bertindak sebagai fasilitator, tetapi juga sebagai pembantu dalam program-program bersama pihak kerajaan. Seperti yang dinyatakan oleh Informan 3, *"Ada juga kita buat dengan persatuan-persatuan lah"* (Informan 3, Temu Bual, 24 September 2024), NGO berkerjasama dengan pelbagai persatuan dan organisasi lain untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan adat perpatih. Kerjasama bersama NGO bukan sahaja memainkan peranan sebagai penghubung, malah menjadi antara salah satu badan yang memastikan adat perpatih kekal relevan pada masa kini.

BAB LIMA

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan dan merumuskan setiap bab dalam kajian ini secara ringkas tentang kajian mengenai mengkaji makna dan simbolik budaya material adat perpatih dalam upacara perkahwinan adat di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Bab ini juga menyentuh bab satu, bab dua, bab tiga dan bab empat dengan lebih mudah difahami. Seterusnya, bab ini membincangkan tentang rumusan, cadangan dan kesimpulan secara keseluruhan.

5.2 Rumusan Bab

Kajian mengenai makna dan simbol budaya material adat perpatih dalam upacara perkahwinan adat di Kuala Pilah, Negeri Sembilan dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti budaya material adat perpatih yang digunakan dalam upacara perkahwinan adat di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Seterusnya kajian juga dijalankan bagi mengkaji kepentingan budaya material adat perpatih dalam upacara adat perpatih dari perspektif masyarakat adat. Akhir sekali, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis langkah-langkah pelestarian ilmu mengenai budaya material adat perpatih dalam kalangan masyarakat adat di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Disamping itu, kajian ini mengandungi lima bab yang masing-masing merangkumi topik bagi mencapai objektif.

Bab satu membincangkan pengenalan tentang kajian ini yang menyentuh definisi warisan budaya, adat, budaya material dan sebagainya. Seterusnya bab satu juga membincangkan tentang latar belakang kajian yang memberi fokus kepada kajian yang ingin dijalankan. Seterusnya, permasalahan kajian juga dibincangkan pada bab ini yang merangkumi permasalahan yang terdapat tentang budaya material dan adat perpatih. Selain itu, bab ini juga membincangkan tentang lokasi kajian, skop kajian dan kepentingan kajian dari aspek individu, masyarakat dan negara.

Bab dua pula membincangkan tentang kajian literatur bagi membantu dalam mencapai objektif kajian. Bab ini memberi fokus tentang definisi warisan budaya, warisan budaya tidak ketara, adat, perkahwinan serta budaya material. Pada bab ini juga teori interaksi simbolik daripada George Herbert Mead dan Herbert Blumer dipilih bagi memastikan data tentang budaya material adat perpatih itu dapat diperolehi.

Secara keseluruhannya, bahagian ini menghuraikan secara mendalam tentang metodologi kajian dan pendekatan yang diterapkan dalam pelaksanaan penyelidikan ini. Perbincangan dalam bahagian ini meliputi pelbagai aspek penting seperti pendekatan kajian, kaedah penyelidikan, reka bentuk kajian, serta elemen-elemen berkaitan yang lain. Bahagian ini dianggap sebagai salah satu komponen utama dalam kajian kerana ia menyediakan kerangka panduan yang sistematik kepada pengkaji dalam melaksanakan dan menyiapkan kajian ini dengan teratur. Tambahan pula, bahagian ini turut berperanan dalam menentukan kaedah pengumpulan data yang bersesuaian serta pendekatan analisis data yang digunakan, sama ada melalui sumber primer atau sekunder. Penyusunan metodologi kajian yang teliti dan berstruktur ini amat penting dalam memastikan objektif penyelidikan tercapai.

Bab empat pula membincangkan tentang hasil dapatan daripada temu bual serta disokong oleh data sekunder. Data yang diperolehi daripada hasil temu bual secara mendalam, pemerhatian ikut serta dan sumber data sekunder dianalisis mengikut kaedah tematik bagi mencapai objektif kajian. Seterusnya, data kajian mengenai makna dan simbol budaya material adat perpatih dalam upacara perkahwinan adat di Kuala Pilah, Negeri Sembilan sama ada data primer dan data sekunder akan dianalisis dan disemak bagi mendapatkan data yang tepat dan konsisten.

5.3 Dapatan Utama

Dapatan utama daripada kajian ini adalah untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai makna dan simbol budaya material adat perpatih dalam konteks upacara perkahwinan adat di Negeri Sembilan. Budaya material merupakan alatan adat yang digunakan dalam upacara perkahwinan adat perpatih. Melalui dapatan pengkaji, terdapat 12 budaya material adat perpatih dalam upacara perkahwinan adat di Negeri Sembilan. Bujam epok, lelangit, tabir lingkungan, tepak sirih, tilam pandak, tikar rompok, boko, tetapak, semerit, merewa, cincin dan nasi panco. Kesemua budaya material ini mempunyai simbolik dan maknanya yang tersendiri.

Budaya material seperti bujam epok merupakan satu alat penting dalam upacara atau adat menjemput. Bujam epok digunakan sebagai pembuka kata sebelum perbincangan bermula. Ia berfungsi sebagai bekas penyimpanan sirih, gambir, kapur, dan bahan-bahan lain yang berkaitan. Secara simbolik, bujam epok melambangkan pembuka bicara serta buah tangan yang dihormati untuk tuan rumah.

Lelangit atau tabir lelangit merupakan satu set kelengkapan adat yang dipasang di bahagian atas rumah, khususnya di kawasan anjung. Fungsi utamanya adalah sebagai simbol penghormatan kepada pemimpin adat semasa majlis perbincangan atau jamuan, di samping memainkan peranan 1 untuk melindungi kawasan tersebut daripada najis binatang atau habuk. Biasanya lelangit diperbuat daripada kain perca berukuran sekitar tiga meter, lelangit melambangkan kepatuhan kepada peraturan adat yang menekankan kesempurnaan dalam majlis.

Tabir lingkungan merupakan kelengkapan adat perpatih yang digunakan di Negeri Sembilan dan daerah Naning, Melaka, diperbuat daripada kain perca atau kain batik dengan panjang sekitar tiga meter. Ia dipasang bersama lelangit di anjung rumah untuk menghormati pemimpin adat seperti Buapak dan Dato Lembaga serta menandakan kawasan pemimpin. Dalam konteks perkahwinan, tabir lingkungan menjadi tempat perbincangan hal penting seperti tarikh perkahwinan dan hantaran.

Tepak sirih budaya material adat perpatih di Negeri Sembilan, digunakan untuk menjemput pemimpin adat dan sebagai simbol penghormatan serta budi bahasa. Ia mengandungi bahan seperti sirih, pinang, gambir, dan tembakau, dan sering dihias dengan benang emas. Tepak sirih berfungsi sebagai pembuka kata dalam majlis rasmi, memperkukuh hubungan sosial, dan menunjukkan nilai hormat dalam masyarakat Melayu Negeri Sembilan. Di luak Rembau, ia digunakan oleh semua lapisan masyarakat, berbeza dengan luak lain yang hanya digunakan untuk pemimpin adat.

Nasi panco adalah budaya material dalam adat perpatih yang digunakan semasa upacara perkahwinan, terutamanya sebagai simbol penghormatan antara keluarga pengantin. Panco, bekas khas berbentuk lapan bucu, diisi dengan nasi pulut kuning dan dihiasi dengan bunga telur yang dikenali sebagai "bungo paha." Nasi panco bukan sahaja melambangkan hubungan antara kedua-dua belah pihak, tetapi juga menjadi tanda budi dan penghargaan dalam masyarakat adat Perpatih. Ia memainkan peranan penting dalam mengekalkan ikatan kekeluargaan dan meneruskan tradisi masyarakat Negeri Sembilan.

Boko adalah budaya material dalam adat perpatih yang digunakan dalam upacara pertunangan, perkahwinan, dan adat menyalang. Ia adalah bekas anyaman mengkuang yang digunakan untuk menyimpan wajik dan penganan, makanan tradisional Negeri Sembilan. Dalam konteks adat, boko dikenali sebagai "buah tangan" yang diberikan kepada tuan rumah atau keluarga pengantin, sebagai simbol budi bahasa dan penghormatan. Ia sering dibawa ketika melawat rumah saudara lelaki selepas perkahwinan. Menurut Informan, boko digunakan dalam adat menyalang untuk menunjukkan penghormatan dan ikatan kekeluargaan. Terdapat beberapa pendapat berbeza mengenai kegunaan boko, tetapi secara umum boko digunakan semasa adat menyembah dan menyalang.

Tilam pandak adalah budaya material yang digunakan dalam upacara pertunangan dan perkahwinan adat perpatih. Ia diperbuat daripada tilam yang dijahit dengan kain batik lepas dan digunakan sebagai tempat duduk bagi pemimpin adat seperti Dato Lembaga, Buapak, dan pengantin lelaki semasa proses ijab dan qabul. Tilam pandak, bersama dengan tikar rompok, berfungsi untuk membezakan taraf

sosial antara pemimpin adat dan masyarakat biasa, dengan tempat duduk pemimpin adat diletakkan sedikit lebih tinggi sebagai tanda penghormatan. Penggunaannya dalam majlis melambangkan keistimewaan dan penghormatan terhadap pemimpin adat dalam masyarakat Negeri Sembilan.

Tikar rompok adalah alas yang digunakan dalam upacara perkahwinan adat perpatih, diperbuat daripada anyaman mengkuang atau pandan dan dihias dengan kain berwarna merah, hitam, dan kuning di tepinya. Tikar ini berfungsi sebagai tempat duduk untuk ketua adat seperti Dato Lembaga, Buapak, serta pengantin, dengan tiga lapis untuk pemimpin adat dan selapis untuk pengantin dan ahli keluarga lainnya. Selain itu, bahagian kepala dan bawah tikar dihias dengan benang emas. Tikar rompok melambangkan penghormatan terhadap pemimpin adat.

Tetapak adalah budaya material yang digunakan dalam upacara perkahwinan dan adat menyalang. Tetapak hampir sama dengan nasi panco, tetapi saiz hidangannya lebih kecil, dikenali sebagai nasi kecil. Tetapak diisi dengan wajik dan penganan serta dihiasi dengan bunga telur, dan biasanya digunakan semasa hari perkahwinan serta adat menyalang, terutamanya oleh pihak perempuan ketika menyalang ke rumah mentua.

Merewa, budaya material yang digunakan dalam upacara perkahwinan dan adat perpatih. Terdapat tiga warna pada merewa, iaitu kuning, merah, dan hitam. Merewa atau bendera adat ini dianggap sebagai alat kebesaran Dato Lembaga. Ia dipasang untuk menandakan bahawa upacara adat besar sedang berlangsung, seperti perkahwinan, hari pertabalan, atau adat istiadat formal. Pemasangan merewa bergantung pada keputusan tuan rumah, kerana selain berfungsi sebagai penanda upacara, merewa juga berperanan sebagai hiasan dan aksesori dalam majlis tersebut.

Semerit merupakan budaya material adat perpatih yang digunakan semasa proses perkahwinan, terutamanya apabila Dato Lembaga terlibat. Semerit atau dulang berkaki tiga adalah alatan kebesaran Dato Lembaga, berfungsi sebagai alas untuk tempat makan beliau. Semerit melambangkan penghormatan terhadap pemimpin adat, yang sering diberikan layanan istimewa oleh masyarakat. Ini memperlihatkan hierarki

pemimpin adat yang dihormati. Semerit juga memainkan peranan penting dalam membezakan taraf sosial, dengan Dato Lembaga duduk di atas tilam pandak yang tinggi, sementara masyarakat biasa duduk di atas tikar rompok. Simbolik semerit ini adalah untuk menunjukkan perbezaan dan penghormatan terhadap pemimpin adat dalam sesebuah upacara atau majlis.

Cincin memainkan peranan penting dalam upacara perkahwinan adat perpatih, berfungsi sebagai tanda dan simbol bagi pasangan yang telah berkahwin. Tiga jenis cincin digunakan dalam proses perkahwinan adat perpatih. Cincin tanya, cincin tunang, dan cincin kahwin. Cincin tanya digunakan semasa proses merisik, di mana pihak lelaki menghantar cincin untuk menandakan kesediaan untuk merisik. Cincin tunang digunakan dalam upacara pertunangan, sebagai tanda ikatan pertunangan antara pasangan. Cincin kahwin pula digunakan dalam adat membatalkan air sembahyang, di mana pengantin lelaki menyarungkan cincin ke jari manis pengantin perempuan.

Akhir sekali, dapatan utama lain yang diperolehi daripada kajian ini adalah langkah pelestarian yang dilakukan oleh masyarakat, pihak kerajaan dan NGO. Masyarakat memainkan peranan penting dalam menyebarkan ilmu secara lisan kepada anak muda serta menghadiri program berkaitan adat perpatih. Pihak kerajaan pula memainkan peranan penting dalam memberi dana dan membuat program berkaitan pelestarian adat perpatih. seterusnya NGO yang berperanan sebagai orang tengah yang menjayakan program antara pihak kerajaan dan masyarakat.

5.4 Cadangan

Pada bahagian ini cadangan akan dikemukakan oleh pengkaji kepada beberapa pihak. Adat perpatih merupakan satu konteks adat yang luas dan mendalam. Sepanjang menjalankan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa maklumat tentang adat perpatih masih tidak lengkap. Budaya material adat perpatih dalam upacara berkedim tidak diketengahkan. Selain itu, perspektif adat perpatih dari sudut Islam terutama pembahagian harta masih lagi diragui keabsahannya. Tanah pusaka dalam konteks wakaf (dzurri) juga tidak diketengahkan dan dibincang secara

terperinci. Seterusnya, kajian mengenai hukuman kahar yang dijalankan untuk individu yang melanggar larangan kahwin sesuku juga tidak mempunyai maklumat yang khusus dan lengkap. selain daripada pelestarian adat perpatih yang giat dilakukan oleh pelbagai pihak, kajian tentang maklumat seperti ini adalah penting dalam memastikan maklumat tentang adat ini tidak hilang. Hal ini sekaligus, menekankan proses mendokumenkan maklumat berkaitan adat ini supaya maklumat tentang adat ini boleh diakses oleh masyarakat pada masa akan datang.

Rujukan

- Addington-Hall, J. M., Bruera, E., Higginson, I. J., & Payne, S. (Eds.). (2007). *Research methods in palliative care*. OUP Oxford.
- Ahmad, S., Kosman, K. A., Abdullah, S. Y., & Gaman, M. N. A. (2019). Teras Adat Perpatih Negeri Sembilan sebagai satu keunikan identiti warisan bangsa. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 3(2), 271–278.
- Akta Warisan Kebangsaan. (2005). Kuala Lumpur, Malaysia: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia
- Awasthy, R. (2019). Nature of qualitative research. In *Methodological issues in management research: Advances, challenges, and the way ahead* (pp. 145–161). Emerald Publishing Limited.
- Ayob, A., & Mesman, N. S. (2018). Analisis bahasa beradat dari sudut mesej tersirat, bentuk serta kaedah penyerapan dalam istiadat masyarakat adat perpatih dan temenggong. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(9), 90–113.
- Azzouz, A. (2019). A tale of a Syrian city at war: Destruction, resilience and memory in Homs. *City*, 23(1), 107–122. <https://doi.org/10.1080/13604813.2019.1579441>
- Bailey, P. C., Dicks, J., Wang, T. L., & Martin, C. (2008). IT3F: A web-based tool for functional analysis of transcription factors in plants. *Phytochemistry*, 69(13), 2417–2425. <https://doi.org/10.1016/j.phytochem.2008.08.003>

- Baker, W. D., Green, J. L., & Skukauskaite, A. (2008). Video-enabled ethnographic research: A microethnographic perspective. In *How to do educational ethnography* (pp. 76–114).
- Berger, A. A. (2016). *What objects mean: An introduction to material culture*. Routledge.
- Bernama. (2023). Melaka laksana kajian menyeluruh pelihara adat perpatih. Astro Awani. <https://www.astroawani.com>
- Bockorni, B. R. S., & Gomes, A. F. (2021). A amostragem em snowball (bola de neve) em uma pesquisa qualitativa no campo da administração. *Revista de Ciências Empresariais da UNIPAR*, 22(1).
- Carter, M. J., & Fuller, C. (2015). Symbolic interactionism. *Sociopedia.isa*. <https://doi.org/10.1177/205684601561>
- Clarke, V., & Braun, V. (2017). Thematic analysis. *The journal of positive psychology*, 12(3), 297-298.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2010). *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (Edisi Ke-4)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Dragan, I. M., & Isaic-Maniu, A. (2013). Snowball sampling completion. *Journal of Studies in Social Sciences*, 5(2).
- Erwany, L. (2016). *Tradisi lisan malam berinai pada masyarakat Melayu Tanjung Balai* (Doctoral dissertation, Universitas Sumatera Utara).
- Fuchs, K. (2023). A systematic guide for conducting thematic analysis in qualitative tourism research. *Journal of Environmental Management and Tourism*.
- Galeri Diraja Tuanku Ja'afar. (2021). *Perkahwinan yang dilarang di Negeri Sembilan*. <https://gdtjns.com/perkahwinan-yang-dilarang-di-negeri-sembilan/>
- Grassby, R. (2005). Material culture and cultural history. *Journal of Social History*, 35(4), 591–603.

- Hitam, A. A. (1984). Krisis adat dalam luak tanah mengandung. *JEBAT* 12 (1983/84). 113-129.
- Ibrahim, N. H. (1988). Some observations on adat and adat leadership in Rembau, Negeri Sembilan. *Japanese Journal of Southeast Asian Studies*, 26(2), 150–165. https://doi.org/10.20495/tak.26.2_150
- Ibrahim, N. H. (1993). Adat Negeri Sembilan melalui masa. Seminar Sejarah Adat Peringkat Negeri Sembilan Darul Khusus: *Sejarah Adat dalam Pembangunan*. Allson Klana Resort, Seremban.
- Ibrahim, N. H. (2007). Rumah dan peralatan olek serta permainan tradisional Negeri Sembilan. Seremban: *Lembaga Muzium Negeri Sembilan*.
- Ibrahim, H. I. (1997). Sistem perkahwinan adat di Negeri Sembilan. *Seminar Budaya*. Maktab Perguruan Raja Melewar, Seremban.
- Idris, M. S. b., & Ibrahim, N. H. (1994). Tradisi perkahwinan dalam Adat Perpatih di Rantau Negeri Sembilan. <https://malaycivilization.com.my/files/original>
- Jabatan Warisan Negara. (2024). Adat. Portal Rasmi Jabatan Warisan Negara. <https://www.heritage.gov.my/my/pengenalan-cawangan-adat-budaya/adat.html>
- Jalil, M. A. (2022). Adat perpatih mungkin pupus. *MyMetro*. Diakses pada 2025 dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/08/872548/adat-perpatih-mungkin-pupus>
- Jamil, M. T., & Taib, J. M. (2012). Kajian Adat Perpatih di Negeri Sembilan: Satu tinjauan menurut perspektif Islam. In *Membongkar rahsia pendidikan Islam* (pp. 619–624). Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2024). Jenis warisan. <https://www.kkd.gov.my>
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar (MDKP). (2024). Laman web rasmi MDKP. <https://www.mdkp.gov.my/>

- Khairuddin, A. H. (2022). Warisan kebudayaan: memahami konsep mengikut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan antropologi kebudayaan serta pemahaman di Malaysia. *Jurnal Melayu Sedunia*, 5(1), 19-34.
- Khokhar, S. A., Pathan, H., Raheem, A., & Abbasi, A. M. (2020). Theory development in thematic analysis: Procedure and practice. *Review of Applied Management and Social Sciences*, 3(3), 423–433.
- Kostera, M. (2021). Observation: On the importance of being there. In *Organizational ethnography* (pp. 31–44). Edward Elgar Publishing.
- Kurin, R. (2004). Safeguarding intangible cultural heritage in the 2003 UNESCO Convention: A critical appraisal. *Museum International*, 56(1–2), 66–77. <https://doi.org/10.1111/j.1350-0775.2004.00459.x>
- Maamor, F. R., & Taif, B (2019). Analisis visual buah buton di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan sebagai simbol organisasi sosial dalam masyarakat adat perpatih. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 3(2), 229–243.
- Marzali, A. (2012). Kategori adat dalam budaya Melayu-Nusantara. *Jurnal Pengajian Melayu*, 23(1), 1–22.
- Mat Ail, N. A. (2011) Kajian terhadap temenggung dan perpatih satu perbandingan adat istiadat perkahwinan. *Undergraduate Final Project Report thesis*, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan.
- McGranahan, C. (2018). Ethnography beyond method: The importance of an ethnographic sensibility. *Sites: a journal of social anthropology and cultural studies*, 15(1).
- Mekonnen, H., Bires, Z., & Berhanu, K. (2022). Practices and challenges of cultural heritage conservation in historical and religious heritage sites: Evidence from North Shoa Zone, Amhara Region, Ethiopia. *Heritage Science*, 10(1), 172. <https://doi.org/10.1186/s40494-022-00802-6>

- Miller, D. (1997). *Material culture and mass consumerism*. John Wiley & Sons.
- Mohd Salleh, R. (2016). Sejarah pengamalan Adat Perpatih di Negeri Sembilan. *Jabatan Muzium Malaysia*.
- Mohamed Ibrahim, A. (1968). Islam and contemporary law in the Malaysian legal context. In D. C. Buxbaum (Ed.), *Family law and customary law in Asia: A contemporary legal perspective* (pp. 107–144). Springer.
- Nasution, I., Sibarani, R., & Takari, M. (2016). Local wisdom in malam Berinai tradition in Malay society, Tanjungbalai, North Sumatera, Indonesia. *Journal of Arts and Humanities*, 5(5), 68–77. <https://doi.org/10.18533/journal.v5i5.935>
- Nowell, L. S., Norris, J. M., White, D. E., & Moules, N. J. (2017). Thematic analysis: Striving to meet the trustworthiness criteria. *International Journal of Qualitative Methods*, 16(1), 1609406917733847. <https://doi.org/10.1177/1609406917733847>
- Pederson, L. L., Vingilis, E., Wickens, C. M., Koval, J., & Mann, R. E. (2020). Use of secondary data analyses in research: Pros and cons. *Journal of Addiction Medicine and Therapeutic Science*, 6(1), 058–060.
- Pelegri, S. (2008). World heritage sites, types and laws. In *Encyclopedia of archaeology* (pp. 2215–2218). <https://doi.org/10.1016/B978-012373962-9.00323-X>
- Pernanda, P., & Amin, R. M. (2016). Peran Pemerintahan Desa Dalam Pelestarian Adat Istiadat Di Desa Tanjung Pauh Kecamatan Singingi Hilir Kabupaten Kuantan Singingi Tahun 2010-2015 (*Doctoral dissertation, Riau University*).
- Perpustakaan Negara Malaysia. (2001). Tepak sirih. <https://www.pnm.gov.my/sirihpinang/sp-tepak%20sirih%201.htm>
- Peterson, B. L. (2017). Thematic analysis/interpretive thematic analysis.

- Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sembilan. (2025). Adat Perpatih. Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sembilan. Diakses pada 22 Februari 2025 dari <https://www.ns.gov.my/kerajaan/info-negeri/adat-perpatih>
- Postema, G. J. (2012). Custom, normative practice, and the law.
- Pramiyati, T., Jayanta, & Yulnelly. (2017). Peran data primer pada pembentukan skema konseptual yang faktual (Studi kasus: Skema konseptual basisdata SIMBUMIL). *Jurnal SIMETRIS*, 8(2), 679.
- Qu, S. Q., & Dumay, J. (2011). The qualitative research interview. *Qualitative Research in Accounting & Management*, 8(3), 238–264.
- Radzuan, A. W. (2021). Suku as self-representation for the adat perpatih community in Negeri Sembilan, Malaysia. Palarch's *Journal of Archaeology of Egypt/Egyptology*, 18(4), 6853–6864.
- Radzuan, A. W., & Sukri, S. (2019). Predominant practices of adat perpatih practised by the Malays of Negeri Sembilan. The European Proceedings of Social & Behavioural Sciences (EpSBS), AIMC 2018 Asia International Multidisciplinary Conference. <https://doi.org/10.15405/epsbs.2019.05.02.37>
- Reeves, S., Kuper, A., & Hodges, B. D. (2008). Qualitative research methodologies: Ethnography. *BMJ*, 337. <https://doi.org/10.1136/bmj.a1020>
- Rushdan, W. N. A. M. B. W., Muda, M. Z., & Kusrin, Z. M. (2023). The difference between the inheritance of common heritage and customary heritage in the practice of Adat Perpatih. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(3), 472–485. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v13-i3/16398>
- Saludin, M. R. B., Saludin, M. N. B., & Mustaffa, F. B. (2022). Mengenal teromba perkahwinan dalam warisan peradaban Melayu. *Jurnal Tuah*, 3(1), 65–83.

- Selat, N. (2014). Sistem sosial adat perpatih. *PTS Akademia*.
- Siregar, N. S. S. (2016). Kajian tentang interaksionisme simbolik. *Perspektif*, 1(2).
<https://doi.org/10.31289/perspektif.v1i2.86>
- Snow, D. A. (2001). Extending and broadening Blumer's conceptualization of symbolic interactionism. *Symbolic Interaction*, 24(3), 367–377.
- Stoffaës, C. (2001). Small reactors are a solution. Dalam *The UNESCO Courier*.
<https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000121939>
- UNESCO. (1972). Convention Concerning the Protection of the World Cultural and Natural Heritage <https://whc.unesco.org/en/conventiontext/>
- UNESCO. (2003). Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage
<https://ich.unesco.org/en/convention>
- Wardi, F. (2018). Pengaruh Sistem Matrilineal Dalam Adat Negeri Sembilan: Perspektif Syarak. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 6(2), 83-91.